



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI MELAKA**  
**SIRI 1**





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

---

NEGERI MELAKA  
SIRI 1

Jabatan Audit Negara Malaysia





---

# KANDUNGAN

---



---

# KANDUNGAN

---

vii	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
xi	<b>INTISARI LAPORAN</b>
	<b>BAHAGIAN I</b>
	<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN</b>
	<b>PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>
	<b>JABATAN KERJA RAYA</b>
	<b>JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN</b>
	<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH ALOR GAJAH</b>
	<b>MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH</b>
3	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
	<b>PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI MELAKA</b>
	<b>LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA</b>
31	Pengurusan Kuota Melayu Terhadap Projek Perumahan Swasta
	<b>JABATAN PERTANIAN NEGERI</b>
42	Program Pembangunan Usahawan Tani
	<b>BAHAGIAN II</b>
	<b>PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>
59	Pendahuluan
59	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri
60	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
61	Objektif Pengauditan
62	Skop Dan Metodologi Pengauditan
62	Kawalan Utama
73	Penemuan Audit
80	Pemeriksaan Audit Mengejut
82	Syor Audit
85	<b>PENUTUP</b>







---

# KATA PENDAHULUAN

---



---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II – Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 5 Jabatan dan 2 Agensi Kerajaan Negeri. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 10 Jabatan/Agensi Negeri dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 12 Jabatan/Pejabat/Agensi.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri Dan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 14 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**19 Mac 2016**



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## **BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **1. JABATAN KERJA RAYA JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH ALOR GAJAH MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH - Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri**

1.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain dari Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan, perabot jalan, jambatan dan pemetung yang menjadi sebahagian dari jalan raya tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan pula menetapkan pemberian secara khusus oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS). Agensi Pelaksana yang terlibat dalam penyenggaraan jalan negeri adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi jalan raya negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi jalan bandaran dan jalan kawasan perumahan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi jalan pertanian dan Pejabat Daerah dan Tanah bagi jalan kampung. Berdasarkan MARRIS, panjang rangkaian jalan negeri pada akhir tahun 2015 di Negeri Melaka adalah 4,334.678 kilometer. Bagi tahun 2013 hingga 2015, Kerajaan Negeri Melaka telah menerima pemberian penyenggaraan Jalan Negeri berjumlah RM239.55 juta dan sejumlah RM247.69 juta telah dibelanjakan. Terimaan dan perbelanjaan ini telah diakaunkan ke Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan (KWAPJ).

1.2. Pengeauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati pengurusan penyenggaraan jalan negeri menggunakan peruntukan MARRIS adalah baik dari segi prestasi perbelanjaan dengan purata perbelanjaan untuk tempoh 3 tahun adalah mencecah 96.9%. Bagaimanapun dari aspek kerja penyenggaraan yang dilaksanakan adalah memuaskan kerana masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

- Kerja penyenggaraan lewat disiapkan, tiada kelulusan lanjutan masa dikeluarkan dan denda lewat tidak dikenakan.

- Penyenggaraan jalan pertanian kurang memuaskan, sijil perakuan siap kerja tidak dikeluarkan dan berlaku kes peruntukan MARRIS untuk kerja yang tidak dibenarkan.
- Kualiti jalan kampung kurang memuaskan, kerja tidak dibuat secara sebut harga dan Laporan Status Kemajuan Kerja tidak dikemukakan kepada JKR Melaka.
- Perabot jalan dibina tidak mengikut spesifikasi standard dan kerosakan perabot jalan.
- Kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang tanah tiada kontrak formal dan pelaksanaan kerja kurang memuaskan.

**1.3.** Bagi memastikan pengurusan penyenggaraan jalan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang ditetapkan, disyorkan langkah-langkah berikut diambil:

**1.3.1.** Agensi Pelaksana hendaklah memastikan kerja penyenggaraan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan berkualiti.

**1.3.2.** JPS hendaklah memastikan kerja penyenggaraan jalan pertanian menepati tujuan dan dapat digunakan.

**1.3.3.** MPAG hendaklah menyediakan kontrak formal dan panduan kadar pemotongan bayaran bagi kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang.

**1.3.4.** Agensi Pelaksana hendaklah menyediakan daftar jalan yang lengkap merangkumi rekod penyenggaraan semua jalan negeri supaya penyenggaraan berkala dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

## **2. PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI MELAKA LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA**

### **- Pengurusan Kuota Melayu Terhadap Projek Perumahan Swasta**

**2.1.** Mengikut Pejabat Tanah dan Galian Melaka (PTG), definisi Melayu adalah seseorang yang berbangsa Melayu dan beragama Islam tidak termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak. Berdasarkan mesyuarat Jawatankuasa Belah Bahagi (JKBB) yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri pada tahun 2007, mensyaratkan peruntukan 60% kepada kuota Melayu luar bandar dan 40% kepada kuota Melayu di bandar bagi setiap projek perumahan. Bagi dasar pelepasan lot kuota orang Melayu pada tahun 1999, pelepasan hendaklah mengekalkan sekurang-kurangnya 30% lot kediaman dan 10% lot perniagaan bagi projek di luar bandar dan 10% purata bagi projek di kawasan bandar pada keseluruhannya. Penetapan kuota Melayu yang melebihi kuota 60% dan 40% atau kurang adalah bergantung kepada keputusan JKBB.

**2.2.** PTG adalah Jabatan yang bertanggungjawab dalam menguruskan perihal kuota Melayu bagi projek perumahan swasta di Negeri Melaka. PTG bertindak sebagai urusetia



kepada mesyuarat JKBB dalam menerima permohonan, membuat rencana untuk dibawa ke dalam mesyuarat JKBB, memproses pelan dan menetapkan kedudukan dan bilangan pecahan kuota, meluluskan pelan kuota dan menguruskan pelepasan kuota Melayu termasuk kiraan sumbangan yang patut dibayar kepada Kerajaan Negeri. Manakala Lembaga Perumahan Melaka (LPM) pula adalah sebagai penerima pendaftaran pemaju bagi projek perumahan yang diluluskan oleh JKBB dan sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam urusan kawal selia dan pemantauan untuk kuota Melayu.

**2.3.** Bermula pertengahan tahun 2013, dasar pelepasan kuota Melayu bagi Negeri telah ditukar dengan sistem *swap* iaitu menukar unit kuota Melayu yang hendak ditukar dengan unit kuota bukan Melayu yang ada bagi projek lain dan bagi pemaju yang sama. Ini bertujuan bagi mengawal pegangan kuota Melayu bagi setiap projek perumahan di Negeri Melaka.

**2.4.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2015 hingga Januari 2016 mendapati pengurusan kuota Melayu terhadap projek perumahan swasta di Negeri Melaka adalah memuaskan daripada aspek proses pelepasan kuota Melayu tetapi mekanisme kawalan kuota Melayu perlu diberi penekanan dan penambahbaikan. Beberapa kelemahan dalam aspek pelaksanaan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Prestasi keseluruhan kuota Melayu tidak dapat diukur.
- Pegangan minimum kuota Melayu di beberapa projek tidak tercapai.
- Tiada pemantauan dan penguatkuasaan serta tiada pemantauan terhadap harga diskaun yang diberikan.

**2.5.** Bagi memastikan pengurusan kuota Melayu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamatnya, PTG dan LPM disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

**2.5.1.** Unit Khas untuk pemantauan dan penguatkuasaan perlu ditubuhkan bagi memastikan kepentingan kuota Melayu dalam pemilikan hartanah terjamin sebagaimana penetapan dasar yang telah dikuatkuasakan di Negeri Melaka dengan menyediakan:

**2.5.1.1.** Daftar utama sebagai rujukan penting dalam mengenal pasti setiap perubahan, kelulusan, pelepasan dan lain-lain maklumat berkaitan unit hartanah kuota Melayu.

**2.5.1.2.** Menguatkuasakan Sijil Layak Memiliki Rumah (SLMR) secara serta merta bagi menghalang manipulasi harga diskaun oleh pemaju dan menjaga kepentingan pembeli.

**2.5.1.3.** Menguatkuasakan denda yang sepatutnya dikenakan kepada pemaju yang ingkar dengan arahan untuk mengemukakan laporan kemajuan projek secara terperinci bagi mengelakkan kesilapan berlaku dalam menetapkan pengesahan harga dan lain-lain maklumat penting yang boleh diguna pakai secara bersama oleh Kerajaan dan orang pembeli.

### **3. JABATAN PERTANIAN NEGERI**

#### **- Program Pembangunan Usahawan Tani**

**3.1.** Program Pembangunan Usahawan Tani di bawah tanggungjawab Jabatan Pertanian Negeri Melaka (JPNM) adalah merangkumi program Pembangunan Industri Tanaman Makanan (ITM) dan Industri Asas Tani (IAT). Program Pembangunan ITM melibatkan 5 projek pembangunan iaitu buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang, industri berdaya maju, kelapa dan padi. Di antara projek industri berdaya maju adalah seperti cendawan, serai dan lebah kelulut. Program Pembangunan IAT pula merupakan aktiviti menambah nilai bahan mentah berasaskan pertanian melalui aktiviti pemprosesan untuk dijadikan produk yang boleh dipasarkan. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan pendapatan pengusaha serta untuk memastikan pengeluaran makanan mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan. Bagi melaksanakan program ini pengusaha diberi bantuan secara percuma seperti bahan input pertanian, kos pembersihan kawasan, kemudahan pagar dan lain-lain. Terdapat juga bantuan yang diberi secara pinjaman iaitu mesin dan peralatan seperti pam air, penyembur bergalas, ketuhar elektrik, mesin penguli tepung, mesin pemisah air dan lain-lain.

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan mulai September hingga Disember 2015 mendapati, secara keseluruhannya prestasi pengurusan Program Pembangunan Usahawan Tani adalah memuaskan kerana prestasi pencapaian bilangan projek, bilangan pengusaha dan keluasan tanaman untuk program ITM melebihi 52.2% berbanding sasaran yang ditetapkan manakala bagi program IAT pula prestasi pencapaian bilangan pengusaha dan projek tercapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

- Sasaran nilai pengeluaran bagi hasil tanaman tidak ditetapkan.
- Sasaran pendapatan bersih pengusaha tidak tercapai.
- Penerima sijil myGAP dan myOrganic tidak mencapai sasaran dan 11.5% sampel residu racun perosak melanggar *Minimum Residual Value* (MRL).
- Bantuan pinjaman mesin dan peralatan diberi tanpa ikatan surat aku janji dan tidak ditarik balik apabila pengusaha tidak lagi beroperasi.

**3.3.** Bagi memastikan Program Pembangunan Usahawan Tani diuruskan dengan lebih cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan, Jabatan Pertanian Negeri Melaka (JPNM) adalah disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut:

**3.3.1.** JPNM perlu menetapkan sasaran nilai pengeluaran hasil supaya dapat mengukur pencapaian matlamat program ini.

**3.3.2.** Memastikan bantuan pinjaman peralatan dan mesin yang tidak digunakan ditarik balik agar dapat diagihkan kepada pengusaha yang lebih memerlukan.

## **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

**4.** Pada keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan 10 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah baik yang mana 6 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang, 3 Jabatan/Agensi Negeri tahap baik dan satu Agensi Negeri tahap tidak memuaskan. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahbaikan diambil oleh Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang perlu diambil adalah menganjurkan program latihan berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.





---

BAHAGIAN I  
AKTIVITI  
JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI

---



---

**JABATAN KERJA RAYA**  
**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**  
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH ALOR GAJAH**  
**MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH**

---

**1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI**

**1.1. LATAR BELAKANG**

**1.1.1.** Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain dari Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan terhadap jalan, perabot jalan, jambatan dan pemetung yang menjadi sebahagian dari jalan raya tersebut bagi tujuan mengekalkan keadaannya seperti mana dibina atau dibaiki. Tujuan penyenggaraan adalah untuk memastikan permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat, struktur jalan mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk menampung beban trafik dan laluan dapat dipulihkan dengan kadar segera apabila berlaku kejadian yang tidak dijangka seperti tanah runtuh dan sebagainya.

**1.1.2.** Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan pula menetapkan pemberian secara khusus oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS). Jalan Negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan terdiri daripada jalan bertaraf *standard*, jalan *sub-standard*, jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Agensi Pelaksana yang terlibat dalam penyenggaraan jalan negeri adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi jalan raya negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi jalan bandaran dan jalan kawasan perumahan, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) bagi jalan pertanian dan Pejabat Daerah Dan Tanah bagi jalan kampung. Berdasarkan MARRIS, panjang rangkaian jalan negeri pada akhir tahun 2015 di Negeri Melaka adalah 4,334.678 kilometer seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Jumlah Panjang Jalan Negeri Di Negeri Melaka Mengikut Kategori**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Kategori Jalan	Panjang Jalan (km)		
		2013	2014	2015
1	Jalan Raya Negeri	1,666.519	1,571.379	1,639.399
2	Jalan Raya Bandaran	328.086	313.446	396.233
3	Perbatuan Lorong Belakang	352.622	352.775	436.617
4	Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah	109.781	86.475	157.357
5	Jalan Kampung	654.598	654.598	1,300.528
6	Jalan Pertanian	460.327	45.600	404.544
<b>Jumlah</b>		<b>3,571.933</b>	<b>3,024.273</b>	<b>4,334.678</b>

Sumber: MARRIS Dan JKR Negeri Melaka

**1.1.3.** Bagi tahun 2013 hingga 2015, Kerajaan Negeri Melaka telah menerima pemberian penyenggaraan Jalan Negeri berjumlah RM239.55 juta dan sejumlah RM247.69 juta telah dibelanjakan. Terimaan dan perbelanjaan ini telah diakaunkan ke Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan (KWAPJ).

## **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan jalan negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan ini meliputi pengurusan dan pelaksanaan penyenggaraan jalan negeri bagi tahun 2013 sehingga 2015 yang dilaksanakan di 6 Agensi Pelaksana iaitu JKR Negeri Melaka (Ibu Pejabat), JKR Daerah Melaka Tengah (JKRMT), JKR Daerah Jasin (JKRJ), Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Melaka (JPS), Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (PDTAG) serta Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG). Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan serta menganalisis data berkenaan penyenggaraan jalan negeri. Selain itu, temu bual bersama pegawai jabatan dan agensi yang terlibat serta lawatan fizikal telah diadakan bagi mengesahkan jalan yang telah disenggara. Soal selidik berkaitan keselesaan dan keselamatan juga dijalankan terhadap pengguna. *Exit Conference* bersama Ketua Penolong Pengarah Jalan (JKR Negeri Melaka), Jurutera Daerah (JKRMT), Jurutera Bahagian Jalan (JKRJ), Penolong Jurutera (JPS), Jurutera (MPAG), pegawai-pegawai daripada 5 Agensi Pelaksana, pegawai Unit Integriti serta pegawai Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah diadakan pada 4 Mac 2016.

## **1.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati pengurusan penyenggaraan jalan negeri menggunakan peruntukan MARRIS adalah baik dari segi prestasi perbelanjaan dengan purata perbelanjaan untuk tempoh 3 tahun adalah



mencecah 96.9%. Bagaimanapun dari aspek kerja penyenggaraan yang dilaksanakan adalah memuaskan kerana masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

- Kerja penyenggaraan lewat disiapkan, tiada kelulusan lanjutan masa dikeluarkan dan denda lewat tidak dikenakan.
- Penyenggaraan jalan pertanian kurang memuaskan, sijil perakuan siap kerja tidak dikeluarkan dan berlaku kes penggunaan peruntukan MARRIS untuk kerja yang tidak dibenarkan.
- Kualiti jalan kampung kurang memuaskan, kerja tidak dibuat secara sebut harga dan Laporan Status Kemajuan Kerja tidak dikemukakan kepada JKR Melaka.
- Perabot jalan dibina tidak mengikut spesifikasi standard dan kerosakan perabot jalan.
- Kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang tanah tiada kontrak formal dan pelaksanaan kerja kurang memuaskan.

#### 1.4.1. Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan

Bagi tahun 2013 hingga 2015 sejumlah RM239.55 juta peruntukan pemberian penyenggaraan jalan negeri telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM247.69 juta iaitu 103.4% telah dibelanjakan. Lebihan perbelanjaan adalah menggunakan baki tahun terdahulu yang masih belum dibelanjakan. Begitu juga dari segi prestasi keseluruhan, 96.9% daripada peruntukan yang diterima telah dibelanjakan. Pada akhir bulan Disember 2015, sejumlah RM16.15 juta baki peruntukan tahun terdahulu dalam KWAPJ masih belum disalurkan kepada Agensi Pelaksana kerana akan digunakan sebagai persediaan bagi kerja-kerja kecemasan seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya. Butiran lanjut prestasi perbelanjaan KWAPJ adalah seperti di **Jadual 1.2. Maklum balas JKR Melaka bertarikh 11 Mac 2016, menyatakan sebahagian baki peruntukan berjumlah RM16.15 juta telah ditanggung iaitu kerja telah dilaksanakan tetapi masih belum dibayar.**

**Jadual 1.2**  
**Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Baki Awal Tahun (RM Juta)	Jumlah Terimaan (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Akhir (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan Tahun Semasa (%)	Peratus Perbelanjaan Terkumpul (%)
2013	24.29	72.82	80.96	16.15	111.2	83.4
2014	16.15	81.92	81.92	16.15	100.0	83.5
2015	16.15	84.81	84.81	16.15	100.0	84.0
<b>Jumlah</b>		<b>239.55</b>	<b>247.69</b>		<b>103.4</b>	<b>96.9</b>

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan KWAPJ adalah baik kerana secara keseluruhannya, lebih 96% peruntukan pemberian penyenggaraan jalan negeri yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 3 tahun telah dibelanjakan.

#### 1.4.2. Prestasi Perbelanjaan Agensi Pelaksana

1.4.2.1. Kerajaan Negeri akan mengagihkan peruntukan pemberian penyenggaraan jalan negeri kepada Agensi Pelaksana untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan yang dirancang. Semakan Audit terhadap prestasi perbelanjaan 6 daripada 12 Agensi Pelaksana mendapati prestasi perbelanjaan bagi tahun 2013 dan 2015 adalah antara 58.3% hingga 117.4%. Butiran lanjut seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Terimaan Dan Perbelanjaan Peruntukan MARRIS 6 Agensi Pelaksana**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Agensi Pelaksana	2013			2014			2015		
		Terima (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)	Terima (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)	Terima (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)
1	JKR Melaka (Ibu Pejabat)	29.28	29.51	100.8	19.39	19.39	100.0	31.68	31.68	100.0
2	JKRMT	9.01	8.59	94.5	13.90	14.07	101.2	14.43	13.66	94.6
3	JKRJ	5.07	5.26	103.7	7.43	6.00	80.8	7.72	8.60	111.4
4	JPS	3.74	2.87	76.7	4.99	5.86	117.4	5.19	4.71	90.9
5	PDTAG	-	-	-	1.04	0.69	66.7	1.08	0.63	58.3
6	MPAG	3.56	2.76	78.3	4.13	3.65	88.4	4.23	4.49	106.3
<b>Jumlah</b>		<b>50.66</b>	<b>48.99</b>	<b>96.7</b>	<b>50.88</b>	<b>49.66</b>	<b>97.6</b>	<b>64.33</b>	<b>63.77</b>	<b>99.1</b>

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran Agensi Pelaksana

1.4.2.2. **Jadual 1.3** di atas menunjukkan prestasi perbelanjaan 6 Agensi Pelaksana adalah baik dengan purata perbelanjaan bagi tempoh 3 tahun adalah melebihi 95%. Sungguhpun begitu, lawatan Audit ke 8 lokasi jalan seperti di **Jadual 1.4** mendapati masih ada jalan mengalami kerosakan seperti permukaan jalan tidak rata dan beralun, rosak tepi, tiada garisan jalan dan masalah bahu jalan serta perabot jalan terlindung seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.7**. **Maklum balas JKR Melaka dan JPS dalam Exit Conference bertarikh 4 Mac 2016, menyatakan peruntukan yang diterima pada penghujung tahun adalah antara sebab mengapa peruntukan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya pada tahun berkenaan.**

**Jadual 1.4**  
**Jalan-Jalan Yang Mengalami Kerosakan**

Bil.	Lokasi	Penemuan Audit
<b>Daerah Jasin</b>		
1	Jalan Jasin – Kemendor	Permukaan jalan rosak dan tiada garisan jalan di bahagian tepi.
2	Jalan Ghaffar, Merlimau	Permukaan jalan rosak dan retak, jalan tidak rata dan beralun serta garisan jalan di bahagian tepi telah pudar seperti di <b>Gambar 1.1</b> . Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan melibatkan pembaikan bahu jalan, kerja longkang dan pembetung dan turap semula jalan ada dilakukan di atas sebahagian jalan ini pada tahun 2014 dan 2015 dengan kos RM0.60 juta.
<b>Daerah Melaka Tengah</b>		
3	Jalan MITC	Permukaan jalan rosak/retak. Terdapat kesan turapan semula jalan secara <i>patching</i> oleh pihak ketiga yang juga menyebabkan keadaan jalan tidak rata. Garisan jalan juga tidak dicat semula. Keadaan jalan seperti di <b>Gambar 1.2</b> .
4	Jalan Bukit Terendak	Permukaan Jalan rosak/retak dan bahu jalan rendah dan merbahaya seperti di <b>Gambar 1.3</b> .
5	Jalan PTB 1, Kawasan Perindustrian Tangga Batu,	Garis jalan telah pudar dan hilang, kerosakan bahu jalan, persimpangan jalan beralun/tidak rata, tiada papan tanda arah serta <i>chevron</i> seperti di <b>Gambar 1.4</b> .
6	Jalan Pantai Puteri	Papan tanda terhalang seperti di <b>Gambar 1.5</b> .
7	Jalan Autocity - TKB	Permukaan jalan rosak/retak seperti di <b>Gambar 1.6</b> .
8	Jalan MJ 31, Taman Merdeka Jaya	Air bertakung di persimpangan jalan kerana bahu jalan yang lebih tinggi dan saliran yang kurang kemas seperti di <b>Gambar 1.7</b> .

**Gambar 1.1** Permukaan Jalan Mengalami Keretakan Dan Garisan Jalan Tidak Di Cat Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Ghaffar, Merlimau  
Tarikh: 5 November 2015

**Gambar 1.2**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan MITC  
Tarikh: 10 Februari 2016

**Gambar 1.3**  
**Bahu Jalan Rendah Dan Merbahaya**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Bukit Terendak, Melaka Tengah  
Tarikh: 29 Oktober 2015

**Gambar 1.4**  
**Kerosakan Bahu Jalan, Garisan Jalan Pudar Dan Tiada Papan Tanda Arah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan PTB1, Kawasan Perindustrian  
Tangga Batu  
Tarikh: 29 Oktober 2015

**Gambar 1.5**  
**Papan Tanda Terlindung**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Pantai Puteri  
Tarikh: 29 Oktober 2015

**Gambar 1.6**  
**Permukaan Jalan Rosak/Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Autocity - TKB  
Tarikh: 10 Februari 2016



**Gambar 1.7**  
**Bahu Jalan Yang Lebih Tinggi Menyebabkan Air Bertakung**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan MJ 31, Taman Merdeka Jaya  
Tarikh: 28 Oktober 2015

**Pada pendapat Audit, sungguhpun prestasi perbelanjaan 6 Agensi Pelaksana adalah baik namun sebahagian peruntukan yang tidak dibelanjakan sepatutnya digunakan bagi menyenggara jalan-jalan yang masih memerlukan penyenggaraan.**

### 1.4.3. Prestasi Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan

Bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Ogos 2015 sebanyak 1,113 kerja penyenggaraan bernilai RM123.63 juta telah dilaksanakan oleh 6 Agensi Pelaksana seperti di **Jadual 1.5**. Kerja penyenggaraan yang dilaksanakan merangkumi penyenggaraan berkala seperti menurap semula jalan, mengecat jalan, memperbaiki dan menggantikan saliran dan longkang serta perabot jalan dan penyenggaraan rutin seperti kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang.

**Jadual 1.5**  
**Jumlah Kerja Penyenggaraan Yang Telah Dilaksanakan**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan Ogos 2015**

Bil.	Agensi Pelaksana	2013		2014		2015		Jumlah	
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
1	JKR Melaka	103	14.35	38	1.84	31	5.32	172	21.51
2	JKRMT	81	18.99	132	23.98	55	12.52	268	55.49
3	JKRJ	86	9.56	100	12.39	49	5.69	235	27.64
4	JPS	81	2.87	137	5.86	77	3.46	295	12.19
5	PDTAG	0	-	34	0.69	26	0.55	60	1.24
6	MPAG	13	0.96	36	2.05	34	2.55	83	5.56
<b>Jumlah</b>		<b>364</b>	<b>46.73</b>	<b>477</b>	<b>46.81</b>	<b>272</b>	<b>30.09</b>	<b>1,113</b>	<b>123.63</b>

Sumber: JKR, JPS, PDTAG Dan MPAG

#### 1.4.3.1. Kerja Lewat Disiapkan

Kerja penyenggaraan hendaklah dilaksanakan dan siap dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap 239 kerja penyenggaraan jalan oleh 6 Agensi Pelaksana mendapati 181 atau 75.7% daripadanya telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan sementara 58 kerja penyenggaraan lewat disiapkan mengikut tempoh dengan 8 daripadanya lewat antara 31 hingga 131 hari. Antara sebab kelewatan adalah faktor cuaca dan masalah bekalan barangan binaan. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 1.6** dan **Jadual 1.7**.

**Jadual 1.6**  
**Bilangan Kerja Penyenggaraan Yang Lewat Disiapkan**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan Ogos 2015**

Bil.	Agensi Pelaksana	Kurang 30 hari			Antara 31 – 131 Hari			Jumlah
		2013	2014	2015	2013	2014	2015	
1	JKR Melaka	-	2	-	-	-	-	2
2	JKRMT	5	9	5	5	2	-	26
3	JKRJ	10	4	3	1	-	-	18
4	JPS	-	-	3	-	-	-	3
5	PDTAG	-	4	-	-	-	-	4
6	MPAG	-	4	1	-	-	-	5
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	<b>23</b>	<b>12</b>	<b>6</b>	<b>2</b>	<b>-</b>	<b>58</b>

Sumber: JKRMT, JKRJ, JPS, PDTAG Dan MPAG

**Jadual 1.7**  
**Kerja Penyelenggaraan Lewat Disiapkan**

Bil.	Kontraktor	Perihal Kerja	Kos (RM Juta)	Tempoh Kerja	Tarikh Siap Kerja	Tempoh Kelewatan (Hari)
1	Rahmat Jantan Enterprise	Mengecat semula garisan jalan di jalan negeri dan taman dalam daerah Melaka Tengah	0.15	16.4.2013 Hingga 31.12.2013	12.5.2014	131
2	Perniagaan Seri Kesidang	Penyelenggaraan papan tanda	0.14	2.9.2013 Hingga 28.10.2013	2.12.2013	72
3	Alfa Waja Enterprise	Membina dan menyiapkan bonggol tahun 2013 (Fasa 2)	0.07	18.4.2013 Hingga 2.5.2013	11.7.2013	70
4	Parina Enterprise	Membina dan menyiapkan bonggol tahun 2013 (Fasa 2)	0.07	16.4.2013 Hingga 30.4.2013	11.7.2013	72
5	Sukma Jaya	Menaiktaraf longkang di Jalan Bukit Rambai	0.17	2.9.2013 Hingga 23.11.2013*	24.12.2013	31
6	Menara Jati Sdn. Bhd.	Membekal, memasang dan mendirikan <i>guardrail</i> dan <i>steel post</i> di jalan negeri	0.19	2.8.2013 Hingga 18.9.2013	27.10.2013	39
7	Gold Preserve Enterprise	Menaiktaraf longkang konkrit di Jalan Ayer Keroh Lama	0.17	1.10.2014 Hingga 5.11.2014	17.12.2014	42
8	Mohamad Salleh bin Mohamad	Melebarkan simpang di persimpangan Industri Krubung	0.43	2.9.2014 Hingga 14.10.2014	8.12.2014	55

Sumber: JKRMT Dan JKRJ

Nota: \* - Tarikh Siap Selepas Lanjutan Masa

#### 1.4.3.2. Tiada Kelulusan Lanjutan Masa

Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada sebarang kelulusan lanjutan masa (EOT) dikeluarkan oleh Agensi Pelaksana. Selain itu melalui surat setuju terima sebut harga kepada kontraktor, JKRJ menyatakan bahawa denda kelewatan siap kerja akan dikenakan kepada kontraktor sebanyak 0.0181% sehari daripada nilai kontrak. Manakala MPAG pula menyatakan "Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan" akan dikenakan sekiranya gagal untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang munasabah. Bagaimanapun tiada sebarang denda dikenakan oleh JKRJ atau MPAG atas kelewatan yang berlaku. Bagi 4 Agensi Pelaksana yang lain, tiada sebarang syarat denda kelewatan siap kerja ditetapkan. **Maklum balas MPAG bertarikh 10 Mac 2016 menyatakan bahawa MPAG akan memastikan setiap projek disiapkan mengikut jadual dan jika berlaku kelewatan, kelulusan EOT akan diberikan sekiranya layak. Denda Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan pula akan dikenakan sekiranya kelewatan disebabkan oleh perkara yang tidak munasabah. Maklum balas JKRJ bertarikh 10 Mac 2016 pula menyatakan akan membuat penambahbaikan pada masa akan datang.**

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan kerja penyenggaraan oleh Agensi Pelaksana adalah memuaskan kerana lebih 75% kerja telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun Agensi Pelaksana hendaklah mengenakan denda atas kelewatan yang berlaku yang tidak mendapat kelulusan EOT.

#### 1.4.4. Kualiti Kerja Penyenggaraan

Antara tujuan penyenggaraan jalan adalah untuk memastikan permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat. Oleh itu, jalan dan perabot jalan yang telah disenggara mestilah dalam keadaan baik sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun. Bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Ogos 2015 sebanyak 1,113 kerja penyenggaraan dengan kos RM123.63 juta telah dilaksanakan oleh 6 Agensi Pelaksana. Semakan Audit terhadap 239 kerja penyenggaraan dan lawatan Audit ke 102 lokasi berkaitan mendapati perkara seperti berikut:

##### 1.4.4.1. Penyenggaraan Jalan Pertanian

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Melaka (JPS) merupakan Agensi Pelaksana yang bertanggungjawab menyenggara jalan pertanian dan mula menerima peruntukan pemberian penyenggaraan jalan negeri pada tahun 2013. Bagi tahun 2013 hingga 2015 jumlah peruntukan yang diterima oleh JPS adalah RM13.92 juta. Berdasarkan rekod MARRIS, panjang jalan pertanian pada bulan Disember 2015 adalah 404.544 kilometer.

##### a. Ujian Ketebalan Jalan Tidak Dilakukan

Perenggan 9.2 Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (GP) telah menetapkan ketebalan minimum permukaan jalan yang layak menerima pemberian MARRIS. Semakan Audit mendapati JPS telah menetapkan ketebalan permukaan jalan pertanian mengikut jenis setiap lapisan dalam butiran sebut harga atau *bill of quantity* (BQ) yang dikeluarkan iaitu 50 milimeter (mm) bagi *premix*, *crusher run* (150 mm), *quarry dust* (50 mm), tanah merah (300 mm) dan *laterite* (150 mm). Bagaimanapun, pihak Audit mendapati JPS tidak membuat ujian ketebalan jalan bagi semua jalan pertanian yang telah disenggara untuk mengesahkan bahawa kerja telah pun dilaksanakan mengikut spesifikasi. Semakan Audit selanjutnya ke atas BQ bagi kerja penyenggaraan jalan pertanian yang diturap dengan *premix* mendapati, JPS tidak memasukkan ujian *coring* sebagai salah satu kerja yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengesahkan ketebalan *premix*. **Maklum balas JPS dalam Exit Conference bertarikh 4 Mac 2016, menyatakan selain daripada kaedah *coring* yang digunakan untuk mengukur ketebalan jalan jenis *premix*, buat masa ini tiada sebarang kaedah untuk mengukur ketebalan jalan pertanian jenis *crusher run*, *quarry dust*, *laterite* atau tanah merah. Oleh itu, JPS akan berbincang dan mendapatkan nasihat daripada JKR Melaka berkaitan perkara ini. Manakala ujian *coring* akan dimasukkan dalam BQ sebagai salah satu kerja yang perlu dilakukan pada masa akan datang.**

## b. Sijil Perakuan Siap Kerja Tidak Dikeluarkan

Sijil Perakuan Siap Kerja atau *Certificate Practical Completion* (CPC) dikeluarkan apabila sesuatu projek yang dilaksanakan itu telah siap. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.2/2013 berkaitan Kaedah Perolehan Kerajaan dalam Lampiran 2.5 menyatakan Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan CPC sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini merupakan bermulanya tempoh tanggungan kecacatan untuk projek berkenaan. Semakan Audit mendapati JPS tidak mengeluarkan CPC terhadap semua kerja penyenggaraan jalan pertanian yang telah dilaksanakan. Pengesahan siap kerja hanya dibuat di atas Borang Inden Kerja (J.K.R 58 – Pin.2/88). **Maklum balas JPS dalam Exit Conference bertariikh 4 Mac 2016, menyatakan akan mendapatkan khidmat nasihat daripada JKR dan mengeluarkan CPC bagi kerja-kerja yang akan datang.**

## c. Kualiti Kerja Penyenggaraan

JPS telah melaksanakan 81 kerja penyenggaraan jalan pertanian pada tahun 2013, 137 (2014) dan 77 (Ogos 2015). Lawatan Audit ke 35 lokasi jalan pertanian yang disenggara antara tahun 2013 hingga bulan Ogos 2015 mendapati 13 daripadanya atau 37.1% adalah kurang memuaskan kerana permukaan jalan yang rosak, ditumbuhi rumput dan semak samun serta sukar dilalui seperti di **Jadual 1.8**.

**Jadual 1.8**  
**Jalan Pertanian Yang Rosak Dan Kurang Memuaskan**

Bil.	Lokasi Jalan Pertanian	Tarikh Siap	Penemuan Audit
1	Kampung Air Paabas (Ch. 1501M – CH 2000M), Alor Gajah	24.8.2015	Keadaan jalan <i>quarry dust</i> adalah baik. Bagaimanapun <i>gabion</i> yang di bina telah runtuh seperti di <b>Gambar 1.8</b> . Menurut pegawai JPS, keruntuhan <i>gabion</i> telah dibaiki dengan kos RM0.02 juta oleh kontraktor lain sedangkan kerja ini masih dalam tempoh tanggungan kecacatan sehingga bulan Februari 2016.
2	Sungai Punggor Kampung Bukit Kecil, Paya Dalam, Melaka Tengah	3.8.2015	Sebahagian permukaan jalan <i>quarry dust</i> rosak akibat air larian permukaan dari Lebuhraya AMJ seperti di <b>Gambar 1.9</b> .
3	Kampung Chin-Chin, Jasin	11.11.2014	Sebahagian permukaan jalan <i>quarry dust</i> rosak akibat hakisan.
4		16.5.2014	<i>Susidiari culvert</i> yang dibina telah tersumbat dan menghalang laluan air. Tindakan pembersihan telah dibuat selepas teguran Audit.
5	Kampung Chenderah, Jasin	19.9.2014	Kejuruteraan Cipta Waja di kehendaki membina jalan ladang tanah merah dan laterite sepanjang 1 kilometer. Pihak Audit mendapati, hanya 100 meter jalan dibina di Kampung Chenderah berbanding 1 kilometer yang sepatutnya. Baki panjang jalan telah dibina di Pengkalan Samak, Merlimau yang jaraknya 25 kilometer daripada lokasi asal. Sebahagian jalan ini telah ditumbuhi oleh rumput dan semak samun tetapi masih digunakan seperti di <b>Gambar 1.10</b> . Tiada sebarang dokumen sokongan terhadap kerja yang dilakukan di Pengkalan Samak, Merlimau.



Bil.	Lokasi Jalan Pertanian	Tarikh Siap	Penemuan Audit
6	Stulang Daeng	3.9.2014	Permukaan jalan <i>quarry dust</i> didapati rosak. Semakan Audit terhadap BQ mendapati ketebalan <i>crusher run</i> adalah 50mm berbanding yang sepatutnya 150mm. Begitu juga dengan ketebalan <i>quarry dust</i> adalah 30mm berbanding 50mm yang sepatutnya. <b>Maklum balas JPS bertarikh 10 Mac 2016 menyatakan jalan ini menjadi laluan alternatif bagi pengguna jalan raya untuk mengelakkan kesesakan di jalan utama menyebabkan jalan pertanian ini cepat rosak.</b>
7	Jalan Tebing Kiri Sungai Ayer Hitam, Tanjung Minyak, Melaka Tengah	11.7.2014	Permukaan jalan rosak dan berlubang seperti di <b>Gambar 1.11</b> .
8	Jalan SSBR, Bukit Rambai, Melaka Tengah	27.3.2014	Kerja yang dilaksanakan adalah membina dan membaikpulih <i>soil stabiliser road</i> (SSBR). Pihak Audit mendapati permukaan SSBR rosak seperti di <b>Gambar 1.12</b> . Menurut JPS, kaedah SSBR hanya dibuat pada tahun 2013 dan 2014 kerana kos yang tinggi dan ketahanan jalan yang cepat rosak. Bagi tahun 2013 – 2014 sejumlah RM0.72 juta telah dibelanjakan untuk menyenggara jalan pertanian menggunakan kaedah SSBR melibatkan 15 kerja penyenggaraan. Kaedah SSBR ini tidak dinyatakan dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri.
9	Kampung Pulau Seri Jeram, Alor Gajah (Ch. 0M – Ch 1000M)	9.12.2013	Jalan telah ditutupi oleh semak samun kerana kurang penggunaan.
10	Sungai Paya Tanjong Kampung Bukit Durian – Kampung Paya Tanjong, Melaka Tengah	12.11.2013	Sebahagian jalan pertanian telah ditumbuhi rumput dan semak samun kerana kurang penggunaan.
11	Jalan Tebing Kiri dan Tebing Kanan Sungai Udang, Melaka Tengah	29.8.2013	Terdapat pecahan pinggir di mana bahagian tepi jalan yang diturap rosak, jalan berlubang dan bahu jalan jatuh seperti di <b>Gambar 1.13</b> . <b>Maklum balas JPS bertarikh 10 Mac 2016 menyatakan kerosakan melibatkan sistem perparitan. Gabion telah dibina untuk menahan hakisan dan jalan yang berlubang telah dibaiki.</b>
12	Sungai Air Salak, Kampung Bukit Datuk B, Melaka Tengah	25.7.2013	Permukaan dan bahagian tepi jalan rosak akibat air sungai yang melimpah.
13	Kampung Chohong, Jasin	2.5.2013	Jalan pertanian telah ditutupi oleh semak samun dan sukar untuk dilalui kerana kurang digunakan seperti di <b>Gambar 1.14</b> .

Sumber: JPS

**Gambar 1.8**  
**Gabion Runtuh**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Air Paabas, Alor Gajah  
Tarikh: 23 November 2015

**Gambar 1.9**  
**Kerosakan Permukaan Quarry Dust**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Bukit Kecil, Paya Dalam  
Tarikh: 16 November 2015

**Gambar 1.10**  
**Jalan Yang Dibina Bukan Di Lokasi**  
**Sebenar Dan Ditumbuhi Rumput Dan**  
**Semak Samun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pengkalan Samak, Merlimau  
Tarikh: 24 November 2015

**Gambar 1.11**  
**Antara Permukaan Jalan Yang Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Tebing Kiri, Sungai Ayer Hitam,  
Tanjung Minyak  
Tarikh: 16 November 2015

**Gambar 1.12**  
**Kerosakan Permukaan Jalan SSBR**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bukit Rambai  
Tarikh: 16 November 2015

**Gambar 1.13**  
**Kerosakan Tepi Serta Bahu Jalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Tebing Kiri dan Tebing Kanan,  
Sungai Udang  
Tarikh: 16 November 2015



**Gambar 1.14**  
**Jalan Pertanian Yang Telah Ditutupi**  
**Oleh Semak Samun Tetapi Masih**  
**Digunakan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Chohong, Jasin  
Tarikh: 24 November 2015

#### d. Peruntukan MARRIS Digunakan Untuk Kerja Yang Tidak Dibenarkan

Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (GP) menjelaskan maksud penyenggaraan jalan-jalan negeri iaitu pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan Negeri, perabot jalan, jambatan, jejambat atau pemetung yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang bersambung dengannya dengan seberapa hampir yang mungkin dengan keadaan asalnya sebagaimana yang dibina atau sebagaimana dibaiki kemudiannya.

##### i. Menaiktaraf Dan Membina Jalan Baru

Lawatan Audit pada bulan November 2015 ke 35 lokasi jalan pertanian yang disenggara mendapati 12 daripadanya merupakan pembinaan jalan baru jenis tanah merah dan *laterite* dengan kos RM0.48 juta. Manakala 18 daripada 35 pula merupakan jalan pertanian yang dinaiktaraf kepada *crusher run* dan *quarry dust* dengan kos RM1.43 juta. **Maklum balas JPS dalam Exit Conference bertarikh 4 Mac 2016, menyatakan pembinaan jalan pertanian tanah merah dan *laterite* serta menaiktaraf jalan kepada *crusher run* dan *quarry dust* adalah untuk menambah baik laluan dan jalan sedia ada selain permintaan daripada penduduk tempatan.**

##### ii. Pembinaan Jambatan

Lawatan Audit pada bulan November 2015 juga mendapati JPS telah membina jambatan baru jenis *light traffic bridge* di tiga lokasi iaitu Kampung Bukit Kecil, Kampung Lanjut Manis dan Tanjung Minyak seperti di **Gambar 1.15** hingga **Gambar 1.17**. Selain itu, jambatan di Tanjung Minyak dengan kos RM19,800 ini tidak dibina di jalan pertanian sebaliknya dibina menghubungkan jalan Taman Tanjung Minyak ke tanah milik persendirian.

**Gambar 1.15**  
**Jambatan Jenis *Light Traffic Bridge* Dibina Dengan Peruntukan MARRIS**  
**Kos RM108,900**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Melaka, Kampung Lanjut Manis  
Tarikh: 16 November 2015

**Gambar 1.16**  
**Jambatan Jenis *Light Traffic Bridge* Dibina Dengan Peruntukan MARRIS**  
**Kos RM56,000**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Bukit Kecil, Paya Dalam  
Tarikh: 16 November 2015



**Gambar 1.17**  
**Jambatan Yang Dibina Bukan Di Jalan**  
**Pertanian (Kos RM19,800)**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan TM 2, Taman Tanjung Minyak  
Tarikh: 22 Februari 2016

**Pada pendapat Audit, penyenggaraan jalan pertanian adalah kurang memuaskan kerana ujian ketebalan tidak dibuat, CPC tidak dikeluarkan dan keadaan jalan pertanian yang rosak serta sukar dilalui akibat ditutupi rumput dan semak samun.**

#### **1.4.4.2. Penyenggaraan Jalan Kampung Oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah**

Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (PDTAG) merupakan Agensi Pelaksana yang bertanggungjawab menyenggara jalan-jalan kampung dalam daerah Alor Gajah. Pada tahun 2014 dan 2015, PDTAG telah menerima peruntukan MARRIS sebanyak RM2.12 juta dan sehingga bulan Disember 2015 sejumlah RM1.32 juta telah dibelanjakan. Berdasarkan rekod MARRIS panjang jalan kampung dalam daerah Alor Gajah pada bulan Disember 2015 adalah 144.595 kilometer.

##### **a. Laporan Status Kemajuan Kerja Penyenggaraan Tidak Dikemukakan Kepada JKR Melaka**

JKR Negeri Melaka melalui suratnya bertarikh 13 Jun 2014 telah mengarahkan setiap Agensi Pelaksana supaya mengemukakan Laporan Status Kemajuan Aktiviti

Penyenggaraan Jalan (Borang APJ) pada setiap bulan bagi tujuan pemantauan terhadap kerja penyenggaraan yang sedang dan telah dilaksanakan. Semakan Audit mendapati PDTAG telah menyediakan dan mengemukakan Borang APJ kepada JKR Negeri Melaka pada awal tahun sebagai asas permohonan peruntukan pemberian MARRIS. Bagaimanapun sepanjang tahun 2014 dan 2015, Borang APJ tidak dikemukakan pada setiap bulan tetapi PDTAG hanya mengemukakan Penyata Bayaran dan Terimaan. Ini menyebabkan JKR Negeri Melaka yang juga merupakan Agensi Pengawal tidak dapat memantau sepenuhnya kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh PDTAG walaupun Mesyuarat Pengurusan KWAPJ Negeri Melaka diadakan 2 kali dalam setahun. **Maklum balas PDTAG bertarikh 14 Mac 2016, menyatakan Borang APJ tidak dikemukakan kepada JKR Negeri Melaka kerana kurang pemahaman berkenaan tatacara mengisi Borang APJ dengan betul, kekerapan pertukaran pegawai yang bertanggungjawab dan tidak pernah menerima sebarang peringatan atau makluman tentang kegagalan PDTAG mengemukakan Borang APJ kepada JKR Negeri Melaka.**

## b. Pelaksanaan Dan Kualiti Kerja Penyenggaraan

- i. Lawatan Audit pada bulan Disember 2015 ke 11 lokasi di mana penyenggaraan jalan kampung yang dilaksanakan mendapati keadaannya adalah memuaskan kerana telah disenggara mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh PDTAG. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa bahagian jalan kampung yang perlu diperbaiki bagi 5 lokasi seperti di **Jadual 1.9. Maklum balas PDTAG bertarikh 14 Mac 2016, menyatakan antara punca kerosakan jalan adalah disebabkan oleh hakisan dan kerja-kerja penyenggaraan paip air oleh Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB). PDTAG akan memaklumkan kepada SAMB supaya mengambil tindakan pembaikan. Bagi turapan jalan yang kurang berkualiti, PDTAG akan menguatkuasakan peraturan dari segi pemeriksaan suhu dan kualiti *premix* serta ketebalan jalan yang ditetapkan.**

**Jadual 1.9**  
**Jalan Kampung Yang Rosak Dan Kurang Memuaskan**

Bil.	Lokasi Jalan Kampung	Tarikh Siap	Penemuan Audit
1	Jalan Bangsal Rebah, Kampung Durian Daun	29.6.2015	Permukaan jalan rosak, turapan kurang kemas, tembok <i>culvert</i> pecah dan, lubang akibat kerja oleh pihak lain. <b>Gambar 1.18.</b>
2	Jalan Solok Batu Puteh, Lendu	13.3.2015	Turapan jalan kurang kemas. <b>Gambar 1.19.</b>
3	Jalan Solok Songsang, Ulu Seraja, Durian Tunggal	16.12.2014	Kerja longkang tidak kemas dan bahu jalan rendah. <b>Gambar 1.20.</b>
4	Padang Kemunting, Tanjung Bidara	11.7.2014	Bahagian bahu jalan rendah dan rosak tepi. <b>Gambar 1.21.</b>
5	Jalan Solok Air Putih, Sungai Petai	4.7.2014	Turapan kurang berkualiti dan bahu jalan rendah. <b>Gambar 1.22 dan Gambar 1.23.</b>

Sumber: PDTAG

**Gambar 1.18**  
**Tembok *Culvert* Pecah, Turapan Kurang Sempurna Dan Lubang Akibat Turapan Pihak Lain**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Jln. Bangsal Rebah, Kg. Durian Daun  
 Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 1.19**  
**Turapan Jalan Kurang Kemas**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Jalan Solok Batu Puteh 1, Lendu  
 Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 1.20**  
**Bahagian Hujung Longkang Yang Tidak Kemas Dan Bahu Jalan Yang Rendah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Jalan Solok Songsang, Ulu Seraja  
 Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 1.21**  
**Kerosakan Tepi Dan Bahu Jalan Rendah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Padang Kemuning, Tanjung Bidara  
 Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 1.22**  
**Bahu Jalan Rendah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Jalan Solok Air Putih, Sg. Petai  
 Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 1.23**  
**Turapan Kurang Berkualiti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Jalan Solok Air Putih, Sg. Petai  
 Tarikh: 8 Disember 2015

- ii. Selain itu, lawatan Audit juga mendapati 6 daripada 11 kerja penyenggaraan telah dilaksanakan secara tampalan atau *patching* seperti di **Gambar 1.24** dan **Gambar 1.25**. Menurut pegawai PDTAG, peruntukan kos yang rendah untuk kerja-kerja penyenggaraan jalan kampung iaitu antara RM20,000 hingga RM35,000 bagi setiap kerja menyebabkannya terpaksa dilakukan secara *patching* melibatkan bahagian jalan yang mengalami kerosakan teruk sahaja. Bagaimanapun semakan Audit terhadap rekod terimaan dan perbelanjaan peruntukan pemberian penyenggaraan jalan bagi PDTAG mendapati peratus perbelanjaan adalah masih rendah iaitu 66.7% bagi tahun 2014 dan 58.3% bagi tahun 2015 menunjukkan PDTAG masih mempunyai peruntukan yang tidak dibelanjakan. **Maklum balas PDTAG bertarikh 14 Mac 2016, menyatakan kerja yang dilakukan oleh PDTAG adalah kerja menurap semula dan bukannya tampalan jalan atau *patching* kerana keseluruhan permukaan jalan diturap namun panjangnya berbeza-beza. Ini disebabkan tahap keperluan penyenggaraan jalan tersebut bukanlah bagi keseluruhan jalan tetapi pada sebahagian jalan yang mengalami masalah seperti berlubang dan pecah. Selain daripada itu, faktor kos yang diluluskan juga menyebabkan keseluruhan jalan tidak dapat diturap sepenuhnya.**

**Gambar 1.24**  
**Antara Jalan Kampung Yang Disenggara Secara *Patching***



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Machap Umboo, Kg. Permai  
Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 1.25**

**Antara Jalan Kampung Yang Disenggara Secara *Patching***



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Tepi Sungai Rembia  
Tarikh: 8 Disember 2015

- iii. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan berkaitan perolehan Kerajaan, perolehan yang melebihi RM50,000 sehingga RM100,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga daripada sekurang-kurangnya 5 pembuat/pembekal. Semakan Audit mendapati kerja pelebaran jalan sejauh 960 meter dan pemasangan longkang pencegah malaria di Solok Songsang, Ulu Seraja, Durian Tunggal, Melaka yang bernilai RM65,000 tidak dibuat secara sebut harga sebaliknya dibuat secara lantikan terus. Keadaan jalan yang dilebarkan adalah seperti di **Gambar 1.26**. **Maklum balas PDTAG bertarikh 14 Mac 2016, menyatakan bahawa kerja bernilai RM65,000 ini telah dilaksanakan secara undian dan bukannya secara lantikan terus disebabkan kurang pemahaman terhadap garis panduan yang ditetapkan. Pada masa sama PDTAG juga ada melaksanakan**

Projek PIA/PIAS di bawah peruntukan ICU, Jabatan Perdana Menteri di mana pada tahun tersebut membenarkan perolehan kerja di bawah RM100,000 dilaksanakan secara undian. PDTAG mengambil maklum terhadap kesilapan tatacara perolehan yang telah berlaku namun semasa proses perolehan secara undian tersebut dilaksanakan, ianya juga melibatkan 5 orang kontraktor yang dipilih berdasarkan prestasi yang baik dan pengalaman kerja yang berkaitan dengan PDTAG.



**Gambar 1.26**  
**Kerja Pelebaran Jalan Bernilai RM65,000**  
**Yang Tidak Dibuat Secara Sebut Harga**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Solok Songsang, Ulu Seraja  
Tarikh: 8 Disember 2015

Pada pendapat Audit, penyenggaraan jalan kampung adalah memuaskan walaupun terdapat beberapa bahagian jalan mengalami kerosakan selepas penyenggaraan dibuat. Bagaimanapun PDTAG perlu memastikan Borang APJ dikemukakan kepada JKR Negeri Melaka pada setiap bulan agar pemantauan secara menyeluruh dapat dilakukan.

#### **1.4.4.3. Penyenggaraan Jalan Raya Negeri, Jalan Raya Bandaran, Lorong Belakang Dan Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah**

JKR dan MPAG bertanggungjawab sebagai Agensi Pelaksana untuk menyenggara Jalan Raya Negeri (JRN), Jalan Raya Bandaran (JRB), Lorong Belakang (LB) dan Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah (JKPR). Antara kerja penyenggaraan yang dilaksanakan adalah menurap semula jalan, baiki simpang jalan, menyenggara longkang/pembetung, perabot jalan dan kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang.

##### **a. Penyenggaraan Perabot Jalan**

Perabot jalan adalah objek atau perlengkapan yang dipasang di jalan untuk tujuan tertentu seperti keselamatan, penunjuk destinasi dan jarak. Contoh perabot jalan adalah seperti *flexible post*, *road barrier*, papan tanda, *guardrail*, *traumatic barrier*, *roadstud*, tiang lampu dan *kerb*. Lawatan Audit antara bulan Oktober hingga Disember 2015 ke lokasi pembinaan dan pemasangan perabot jalan mendapati bonggol yang dibina tidak mengikut spesifikasi standard; *pavement marker road stud* yang dipasang telah hilang kerana jalan yang diturap semula dan *kilometer post*,



*flexible post, bridge panel* dan papan tanda rosak, hilang, terlindung serta lokasi pemasangan yang kurang sesuai adalah seperti di **Jadual 1.10**.

**Jadual 1.10**  
**Penemuan Audit Terhadap Perabot Jalan**

Bil.	Penemuan Audit	Keterangan
1	Bonggol dibina tidak mengikut spesifikasi standard	<i>Standard Drawing For Road Hump</i> (April 1989) dan pindaan 2014 menetapkan lebar bonggol adalah 3.7 meter dan 4 meter. Semakan Audit mendapati lebar bonggol yang ditetapkan oleh JKRMT dan JKRJ dalam butiran sebut harga atau <i>bill of quantity</i> (BQ) adalah kurang daripada standard iaitu masing-masing 2.8 meter dan 3.6 meter. Kesemua 36 bonggol yang diperiksa iaitu 18 di Melaka Tengah, 15 di Jasin dan 3 Alor Gajah, dibina tidak mengikut lebar standard yang ditetapkan iaitu antara 1.4 meter hingga 3.5 meter. Contoh bonggol adalah seperti di <b>Gambar 1.27</b> . <b>Maklum balas JKRMT dan JKRJ dalam Exit Conference bertarikh 4 Mac 2016, menyatakan bonggol telah dibina mengikut kesesuaian jalan di kawasan taman perumahan tersebut.</b>
2	<i>Pavement marker road stud</i> (PMRS) yang dipasang telah hilang kerana jalan yang diturap semula	Sebanyak 655 unit PMRS telah dipasang di Jalan Bemban – Serkam, Jasin pada bulan Disember 2013 dengan kos RM0.04 juta. Pihak Audit mendapati sebahagian daripada PMRS yang dipasang telah hilang dari permukaan jalan kerana jalan yang sama telah diturap semula. Semakan Audit selanjutnya mendapati kerja menurap Jalan Bemban – Serkam dengan kos RM0.17 juta telah dilaksanakan pada bulan September 2014. <b>Maklum balas JKRJ bertarikh 10 Mac 2016, menyatakan PMRS telah ditanggalkan sebelum kerja turapan dilaksanakan. Kerja pemasangan semula PMRS telah dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mac 2016.</b>
3	<i>Kilometre post</i> hilang dan rosak.	Sebanyak 130 unit <i>kilometre post</i> telah didirikan di sekitar daerah Jasin pada tahun 2013 dan 2014 melalui 2 kerja sebut harga dengan kos RM63,420. Pemeriksaan Audit terhadap 50 unit <i>kilometre post</i> mendapati 13 unit atau 26% daripadanya dalam keadaan tidak memuaskan kerana rosak, hilang dan terlindung serta nombor kilometer dan lokasi hilang. Antara keadaan <i>kilometre post</i> seperti di <b>Gambar 1.28</b> dan <b>Gambar 1.29</b> . <b>Maklum balas JKRJ bertarikh 10 Mac 2016, menyatakan kerja pembaikan telah dilaksanakan pada bulan Januari 2016.</b>
4	<i>Flexible post</i> dan <i>flexible road divider</i> rosak dan hilang	Sebanyak 66 unit <i>flexible post</i> (RM6,600) dan 50 unit <i>flexible road divider</i> (RM0.02 juta) telah di pasang pada bulan Disember 2013 masing-masing di Persimpangan Taman Merlimau Baru dan Persimpangan Taman Harmoni, Merlimau. Pihak Audit mendapati sebahagian besar <i>flexible post</i> dan <i>flexible road divider</i> telah rosak dan hilang seperti di <b>Gambar 1.30</b> dan <b>Gambar 1.31</b> .
5	<i>Bridge panel</i> tercabut dan hilang	Kerja menurap semula Jalan Paya Rumput Jaya – Sungai Udang pada bulan Disember 2014 adalah termasuk pemasangan 12 unit <i>bridge panel</i> (RM4,200). Pihak Audit mendapati 4 daripada 12 unit <i>bridge panel</i> yang dipasang telah tercabut dan 1 daripadanya telah hilang. Keadaan <i>bridge panel</i> adalah seperti di <b>Gambar 1.32</b> .
6	Papan tanda bonggol dan “BERHENTI” tercabut, rosak, pudar dan dipasang di lokasi yang tidak sesuai.	Pihak Audit mendapati sebahagian papan tanda bonggol dan “BERHENTI” yang didirikan di 10 kawasan taman perumahan iaitu 5 di Melaka Tengah, 1 di Jasin dan 4 di Alor Gajah dalam keadaan tidak memuaskan kerana rosak, tercabut ataupun hilang serta lokasi pemasangan yang tidak sesuai seperti di <b>Gambar 1.33</b> hingga <b>Gambar 1.36</b> . <b>Maklum balas MPAG bertarikh 10 Mac 2016, menunjukkan bahawa MPAG telah mengambil tindakan pembaikan terhadap papan tanda “BERHENTI” yang rosak dan papan tanda bonggol yang dipasang di lokasi yang tidak sesuai.</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Gambar 1.27**  
**Lebar Bonggol Tidak Mengikut Spesifikasi Standard**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Jalan Jasa Merdeka, Taman Datuk Tamby Chik Karim, Melaka Tengah  
 Tarikh: 28 Oktober 2015

**Gambar 1.28**  
**Kilometer Post Rosak/Tumbang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Jalan Kg. Bt. Asahan, Jasin  
 Tarikh: 4 November 2015

**Gambar 1.29**  
**Kilometer Post Yang Terlindung Serta Plat Lokasi Dan Nombor Hilang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Jalan Kg. Bt. Asahan, Jasin  
 Tarikh: 4 November 2015

**Gambar 1.30**  
**Flexible Road Divider Rosak Dan Hilang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Persimpangan Taman Harmoni, Merlimau  
 Tarikh: 5 November 2015

**Gambar 1.31**  
**Flexible Post Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Persimpangan Taman Merlimau Baru  
 Tarikh: 5 November 2015

**Gambar 1.32**  
**Panel Bridge Yang Telah Tercabut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Jalan Paya Rumput Jaya – Sungai Udang  
 Tarikh: 28 Oktober 2015

**Gambar 1.33**  
**Papan Tanda Bonggol Telah Dicabut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: No.43 Lorong 2, Jalan M17, Taman  
Merdeka Jaya, Melaka Tengah  
Tarikh: 28 Oktober 2015

**Gambar 1.34**  
**Papan Tanda Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Jasa Merdeka, Taman Datuk  
Tamby Chik Karim, Melaka Tengah  
Tarikh: 28 Oktober 2015

**Gambar 1.35**  
**Lokasi Papan Tanda Tidak Sesuai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: KRA Sungai Baru, Tanjung Dahan, Alor  
Gajah  
Tarikh: 18 Disember 2015

**Gambar 1.36**  
**Tulisan Papan Tanda Pudar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Pulau Sebang 1, Alor Gajah  
Tarikh: 18 Disember 2015

## **b. Permukaan Jalan Dan Longkang Rosak**


Kerja menurap semula jalan dan memasang longkang di Taman Sri Naning dengan kos RM154,312 telah siap pada bulan Februari 2014. Lawatan Audit pada bulan Disember 2015 mendapati sebahagian jalan yang diturap mengalami keretakan permukaan dan longkang yang dipasang pecah kerana dilalui oleh kenderaan seperti di **Gambar 1.37** dan **Gambar 1.38**. **Maklum balas MPAG bertarikh 10 Mac 2016, menyatakan kerosakan jalan adalah disebabkan oleh kenderaan berat yang melebihi had muatan melalui jalan tersebut. Manakala kerosakan longkang yang disebabkan oleh kenderaan penduduk taman adalah di luar kawalan MPAG. Tindakan penguatkuasaan kompaun terhadap pemilik kenderaan yang menyebabkan kerosakan ini akan dilaksanakan. MPAG akan membuat tindakan pembaikan terhadap jalan dan longkang ini dengan kadar segera.**

**Gambar 1.37**  
**Sebahagian Permukaan Jalan Yang Mengalami Keretakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Seri Naning, Alor gajah  
Tarikh: 22 Disember 2015

**Gambar 1.38**  
**Longkang Pecah Kerana Dilalui Oleh Kenderaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Seri Naning, Alor gajah  
Tarikh: 22 Disember 2015

### c. Kecacatan Jalan Oleh Pihak Lain

Antara syarat kelulusan yang dikeluarkan oleh JKR atas kerja pihak lain seperti pemasangan paip air atau kabel elektrik, pihak yang berkenaan perlu menurap semula jalan dan sekiranya ianya tidak memuaskan, JKR berhak membuat penurapan semula dengan kos ditanggung oleh pihak berkenaan. Pihak berkenaan juga hendaklah mengecat semula garisan jalan yang terlibat seperti asal. Lawatan Audit mendapati 3 kerja pengorekan jalan untuk pemasangan paip air dan juga pembaikan kabel elektrik telah selesai dilaksanakan. Bagaimanapun jalan yang diturap semula tidak rata, terdapat kerosakan permukaan dan garisan jalan tidak dicat semula seperti di **Gambar 1.39** hingga **Gambar 1.41**. **Maklum balas JKRJ bertarikh 10 Mac 2016, menyatakan bahawa surat telah dihantar kepada pihak syarikat utiliti supaya tindakan pembaikan diambil.**

**Gambar 1.39**  
**Turapan Semula Kurang Memuaskan Dan Garisan Jalan Tidak Dicat Semula**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Persimpangan Kawasan Perindustrian Krubung, Melaka Tengah  
Tarikh: 10 Februari 2016

**Gambar 1.40**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Chabau, Jasin  
Tarikh: 4 November 2015



**Gambar 1.41**  
**Jalan Yang Tidak Diturap Semula**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan MJ2, Taman Merdeka Jaya  
Tarikh: 25 November 2015

#### **d. *Pavement Direction Arrow* Tidak Dibuat**

Berdasarkan butiran sebut harga (BQ) bagi kerja menurap semula Jalan Paya Rumput Jaya – Sungai Udang, kontraktor dilantik perlu menanda, membekal dan mengecat garisan *pavement direction arrow* setebal 3 milimeter yang terdiri daripada 5 *single arrow* dan 5 *double arrow* dengan kos RM2,750. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2015 mendapati jalan yang diturap dalam keadaan baik. Bagaimanapun *pavement direction arrow* tidak dibuat sedangkan kerja telah pun selesai pada bulan Disember 2014.

**Pada pendapat Audit, penyenggaraan JRN, JRB, LB dan JKPR adalah memuaskan. Bagaimanapun Agensi Pelaksana perlu mempertingkatkan penyenggaraan terhadap perabot jalan supaya sentiasa dalam keadaan baik.**

#### **1.4.5. Kerja Pemotongan Rumput Dan Pembersihan Longkang Tanah**

Perkhidmatan pemotongan rumput dan pembersihan longkang bagi jalan-jalan utama JKR Negeri dan taman-taman perumahan merupakan penyenggaraan rutin berjadual yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM3.64 juta peruntukan MARRIS telah dibelanjakan oleh MPAG bagi perkhidmatan pemotongan rumput dan pembersihan longkang melibatkan 16 zon pada tahun 2013 dan 10 zon pada tahun 2014 dan 2015.

##### **1.4.5.1. Dokumen Kontrak Tidak Disediakan**

Perkhidmatan pemotongan rumput dan pembersihan longkang merupakan kontrak bermasa untuk tempoh 12 bulan dan kerja-kerja berkenaan perlu dilakukan oleh kontraktor dalam 2 pusingan pada setiap bulan. Berdasarkan PK 4/2013 Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan, Agensi hendaklah mengadakan satu kontrak formal bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bermasa atau perolehan kerja, yang mana berkenaan untuk ditandatangani selaras dengan Arahan Perbendaharaan 176.1(c). Semakan Audit mendapati MPAG tidak menyediakan kontrak formal bagi perkhidmatan pemotongan rumput dan pembersihan longkang. MPAG hanya mengeluarkan surat

tawaran kontrak manakala kontraktor berjaya akan menandatangani Surat Setuju Terima. Ini menyebabkan syarat-syarat kontrak dan spesifikasi kerja tidak didokumenkan dan dinyatakan dengan jelas untuk menjamin kepentingan kedua-dua pihak. Menurut pegawai MPAG, syarat-syarat kontrak dan spesifikasi kerja telah diterangkan oleh MPAG melalui satu sesi taklimat kepada kontraktor yang berjaya. **Maklum balas MPAG bertarikh 10 Mac 2016, menyatakan bermula tahun 2016 semua kerja-kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang telah dikeluarkan Perjanjian Kontrak bagi tempoh 1 tahun di samping syarat-syarat kontrak dan surat setuju terima.**

#### 1.4.5.2. Kerja Kurang Sempurna

- a. Prestasi kerja kontraktor akan dinilai oleh MPAG berdasarkan 60% bagi pemotongan, kelebaran dan kebersihan kawasan, 20% bagi cantasan dahan dan 20% bagi kebersihan longkang tanah. MPAG boleh mengenakan potongan bayaran jika didapati kerja-kerja yang dijalankan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit terhadap 14 fail kontraktor mendapati kerja-kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang yang dilakukan adalah kurang sempurna. Berdasarkan Borang Perkiraan Bayaran Kerja Pemotongan Rumput Dan Pembersihan Longkang Tanah Serta Penilaian Prestasi Kontraktor, pemotongan bayaran antara RM200 hingga RM1,200 telah dikenakan kepada kontraktor. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod bayaran bagi tahun 2014 dan 2015 mendapati jumlah pemotongan bayaran adalah RM0.10 juta atau 4.6% daripada nilai kontrak. Bagaimanapun pihak Audit mendapati, tiada panduan kadar pemotongan yang tetap disediakan oleh MPAG. Jumlah pemotongan bayaran adalah berdasarkan pertimbangan Pegawai Penyelia dan Pengarah Bahagian Kebersihan dan Kesihatan. Lawatan Audit pada bulan Disember 2015 ke Zon 1 dan Zon 7 mendapati kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang melibatkan 11 batang jalan dengan jarak 42.9 kilometer adalah memuaskan kecuali di beberapa lokasi jalan dalam zon 1 di mana terdapat longkang yang tidak dibersihkan seperti di **Gambar 1.42** dan **Gambar 1.43**.

**Gambar 1.42**  
**Longkang Tanah Yang Tidak Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Masuk RTC  
Tarikh: 21 Disember 2015

**Gambar 1.43**  
**Longkang Yang Tidak Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Pekan Kuala Sg. Baru – Jalan  
Besar Kuala Linggi  
Tarikh: 21 Disember 2015

### c. Pemotongan Bayaran Walaupun Kerja Adalah Baik

Semakan Audit terhadap Borang Perkiraan Bayaran Kerja Pemotongan Rumput Dan Pembersihan Longkang Tanah Serta Penilaian Prestasi Kontraktor mendapati penilaian Pegawai Penyelia adalah baik di mana markah penilaian adalah 100% bagi setiap kerja yang dilaksanakan bagi bulan-bulan tertentu. Bagaimanapun pemotongan bayaran tetap juga dikenakan terhadap kontraktor terlibat. Bayaran kepada kontraktor seharusnya selaras dengan markah penilaian yang diberi oleh MPAG. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 1.11. Maklum balas MPAG bertarikh 10 Mac 2016 menyatakan bahawa MPAG akan membuat penilaian pemotongan bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan dengan lebih teliti. Pemotongan bayaran boleh dikenakan mengikut kadar harga kontrak ditambah 10% kos pentadbiran.**

**Jadual 1.11**  
**Pemotongan Yang Dikenakan Walaupun Penilaian Kerja Adalah 100%**

Bil.	Kontraktor	Penilaian Kerja Adalah 100% (Bulan)	Jumlah Pemotongan (RM)
1	JNK Niaga Enterprise	Januari 2015	200
2		Mei 2015	200
3		Julai 2015	300
4	Nadzley Enterprise	Disember 2014	300
5		Julai 2015	500

Sumber: MPAG

**Pada pendapat Audit, ketiadaan kontrak formal bagi kerja-kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang menyukarkan pihak MPAG untuk mengawal selia kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.**

#### 1.4.6. Perbelanjaan Pengurusan Menggunakan Peruntukan MARRIS

**1.4.6.1.** Perenggan 7.2 Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (GP) menyatakan peruntukan MARRIS boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan pengurusan berkaitan dengan penyenggaraan jalan negeri dengan had tidak melebihi 5% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyenggaraan jalan tahun sebelumnya atau RM5 juta, mana yang lebih rendah. Semakan Audit terhadap perbelanjaan pengurusan menggunakan peruntukan MARRIS secara keseluruhan bagi 6 Agensi Pelaksana adalah baik dan mematuhi GP kerana tidak melebihi 5% yang ditetapkan. Bagaimanapun JKR Jasin (JKRJ) telah menggunakan peruntukan MARRIS yang diterima melebihi yang dibenarkan iaitu 19% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyenggaraan pada tahun 2014 dan 12.4% bagi tahun 2015. Butiran lanjut jumlah adalah seperti di **Jadual 1.12.**

**Jadual 1.12**  
**Perbelanjaan Pengurusan Berkaitan Penyenggaraan Jalan Negeri**  
**Bagi Tahun 2014 Dan 2015**

Bil.	Agensi Pelaksana	Jumlah Yang Digunakan Untuk Kerja Penyenggaraan			Jumlah Yang Digunakan Untuk Perbelanjaan Pengurusan		Peratusan Perbelanjaan Pengurusan	
		(RM Juta)			(RM Juta)		(%)	
		2013	2014	2015	2014	2015	2014	2015
1	JKRMT	7.65	13.85	2.61	0.44	0.13	5.7	0.9
2	JKRJ	4.55	5.14	3.39	0.87	0.64	19.0	12.4

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran Agensi Pelaksana

**1.4.6.2.** Semakan Audit selanjutnya terhadap Penyata Terimaan Dan Bayaran JKRJ mendapati sebahagian besar perbelanjaan pengurusan menggunakan peruntukan MARRIS oleh JKRJ adalah bayaran kepada Petronas Smartpay Centre yang berjumlah RM0.14 juta bagi tahun 2014 dan RM0.12 juta bagi tahun 2015.

**Pada pendapat Audit, penggunaan peruntukan MARRIS untuk perbelanjaan pengurusan oleh Agensi Pelaksana hendaklah sentiasa dipantau oleh Pegawai Pengawal KWAPJ supaya tidak melebihi jumlah yang dibenarkan.**

#### **1.4.7. Pendaftaran Dan Ketepatan Data MARRIS**

**1.4.7.1.** Jumlah peruntukan pemberian penyenggaraan jalan negeri adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang berdaftar di dalam MARRIS *Online* pada 31 Disember tahun sebelumnya. Bagi memastikan kesahihan data jalan dalam MARRIS *online* adalah tepat sebagaimana keadaan jalan di tapak, JKR diwajibkan melaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan mengenai pengauditan perlu dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Belanjawan, Kementerian Kewangan.

**1.4.7.2.** Semakan Audit mendapati pihak JKR Melaka telah menjalankan audit dalaman terhadap MARRIS *Online* pada bulan Disember 2015. Semakan Audit terhadap rekod MARRIS dan Laporan Audit MARRIS mendapati beberapa data jalan yang didaftarkan tidak tepat dari aspek panjang, lebar dan jenis permukaan jalan. Walaupun Laporan Audit MARRIS telah mengeluarkan Laporan *Non-Compliance Report* (NCR), tiada tindakan pembetulan dilakukan terhadap data jalan seperti di **Jadual 1.13. Maklum balas JKR Melaka bertarikh 11 Mac 2016, menyatakan JKR Melaka telah melaksanakan audit dalaman pada tahun 2013 dan 2014 tetapi rekod tahun 2013 gagal ditemui. Data jalan dalam MARRIS yang dikeluarkan NCR telah diambil maklum oleh JKR daerah yang terlibat tindakan pembetulan akan dilaksanakan.**



**Jadual 1.13**  
**Data Jalan Dalam MARRIS Yang Tidak Tepat**

Bil.	Nama Jalan (Kategori Jalan)	Perihal NCR	Maklumat Jalan di Rekod MARRIS Online Setakat 31.12.2015
1	Jalan Ladang di Padang Temu (Jalan Pertanian)	Lebar jalan yang didaftarkan adalah 4.27 meter dengan panjang 1.2 km. Siasatan tapak mendapati lebar jalan adalah 3.0 meter.	Tiada maklumat
2	Jalan Ladang di Sungai Parit Cina (Jalan Sidang Hj. Rahimi/Jalan Benteng Bukit Godek (Jalan Pertanian)	Lebar jalan yang didaftarkan 4.27 meter dengan panjang 1.4 kilometer. Siasatan tapak mendapati lebar jalan adalah 3.0 meter dan Panjang Jalan adalah 141 km	Lebar Jalan: 3.0 m Panjang Jalan: 4.72 km
3	Jalan Ayer Keroh (Jalan Raya Negeri)	Jenis permukaan jalan adalah <i>gravel</i> (SRT 2). Siasatan tapak mendapati jenis permukaan adalah <i>bitumen</i> (SRT 1)	Jenis Permukaan Jalan: SRT 1 & 2
4	Jalan Krubong (Jalan Raya Negeri)	Jenis permukaan jalan adalah <i>gravel</i> (SRT 2). Siasatan tapak mendapati jenis permukaan adalah bitumen (SRT 1)	Jenis Permukaan Jalan: <i>Gravel</i> (SRT 2)
5	Jalan Kpg. Krubong (Jalan Kampung)	Kategori, panjang dan lebar jalan tidak tepat. Kategori – Jalan Negeri, Panjang Jalan – 700 m, Lebar Jalan – 8.37 m	Tiada maklumat
6	Jalan Ramuan Cina Kechil – Kuala Sg. Baru (M161)	Nama jalan perlu diperbetulkan. Jenis permukaan jalan adalah <i>gravel</i> (SRT 2) dan panjang jalan adalah 10.25 kilometer. Siasatan tapak mendapati jenis permukaan jalan adalah bitumen (SRT 1) dan panjang jalan adalah 11.50 kilometer.	Tiada maklumat

Sumber: MARRIS Dan Laporan Audit MARRIS Tahun 2012 Dan 2015

**Pada pendapat Audit, pendaftaran jalan ke dalam sistem MARRIS Online pada keseluruhannya adalah baik.**

#### **1.4.8. Daftar Jalan Yang Telah Disenggara Tidak Disediakan**

**1.4.8.1.** Mengikut Arahan Teknik (Jalan) Bab 3 Perenggan 3.2.6, reka bentuk struktur *pavemen* hendaklah mempunyai ketahanan bagi jangka masa 10 tahun untuk jalan baru. Manakala berdasarkan buku “Senggara Jalan - Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu” yang dikeluarkan oleh Bahagian Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia, *pavemen* perlu dinilai dan direka bentuk semula dengan mengambil kira kekuatan struktur sedia ada, beban trafik sedia ada dan beban trafik unjuran 5 hingga 10 tahun. Oleh itu Agensi Pelaksana hendaklah menyediakan daftar jalan yang telah dan perlu disenggara supaya penyenggaraan berkala dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

**1.4.8.2.** Semakan Audit mendapati Agensi Pelaksana ada menyediakan Laporan Program Kerja Tahunan Aktiviti Penyenggaraan Jalan atau Borang APJ. Bagaimanapun Borang APJ ini tidak menyenaraikan keseluruhan jalan yang perlu disenggara secara berkala tetapi hanya merekodkan jalan yang telah disenggara pada tahun semasa. Selain itu, maklumat jumlah panjang jalan yang telah disenggara dalam Borang APJ juga didapati tidak dikemas kini dengan lengkap. Oleh itu pihak Audit tidak dapat mengenal pasti bilakah kali terakhir sesuatu jalan itu disenggara dan jumlah panjang jalan yang telah disenggara. Agensi Pelaksana didapati hanya membuat penilaian terhadap *pavement* jalan berdasarkan aduan yang diterima. Perkara ini pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3. **Maklum balas JKR Melaka bertariikh**

**11 Mac 2016** menyatakan akan menyediakan satu format bagi merekodkan tarikh terakhir dan jumlah panjang jalan disenggara oleh setiap Agensi Pelaksana. Perkara ini juga akan dibangkitkan dalam mesyuarat bersama Agensi Pelaksana yang terlibat. **Maklum balas MPAG bertarih 10 Mac 2016** pula menyatakan bahawa MPAG telah menyediakan senarai keseluruhan jalan yang perlu disenggara secara berkala setiap tahun dan telah mengemaskini jumlah panjang jalan yang telah disenggara dalam Borang APJ.

Pada pendapat Audit, penggunaan Borang APJ adalah wajar kerana menyenaraikan jalan yang disenggara pada tahun semasa. Bagaimanapun Agensi Pelaksana perlu menyediakan senarai inventori jalan secara menyeluruh untuk mengenal pasti tempoh masa sesuatu jalan itu perlu disenggara.

### **1.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan penyenggaraan jalan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang ditetapkan, disyorkan langkah-langkah berikut diambil:

**1.5.1.** Agensi Pelaksana hendaklah memastikan kerja penyenggaraan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan berkualiti.

**1.5.2.** JPS hendaklah memastikan kerja penyenggaraan jalan pertanian menepati tujuan dan dapat digunakan.

**1.5.3.** MPAG hendaklah menyediakan kontrak formal dan panduan kadar pemetongan bayaran bagi kerja pemetongan rumput dan pembersihan longkang.

**1.5.4.** Agensi Pelaksana hendaklah menyediakan daftar jalan yang lengkap merangkumi rekod penyenggaraan semua jalan negeri supaya penyenggaraan berkala dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

---

## **PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI MELAKA LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA**

---

### **2. PENGURUSAN KUOTA MELAYU TERHADAP PROJEK PERUMAHAN SWASTA**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Mengikut Pelan Tindakan Bagi Teras 4 dalam Dasar Perumahan Negara (DPN) berhubung langkah-langkah perlu diambil untuk meningkatkan aksesibiliti rakyat bagi memiliki atau menyewa rumah yang disediakan dirangka bagi mengimbangi keperluan perumahan masa kini, Kerajaan Negeri hendaklah membuat penetapan antaranya kadar harga jualan rumah kos rendah; sederhana rendah dan sederhana; penetapan dasar *subsequent-sale* bagi rumah kos rendah; penetapan kuota Bumiputera dalam pemilikan perumahan; penyediaan skim-skim perumahan bagi golongan berpendapatan rendah dan pemilihan penyewa/pembeli rumah kos rendah melalui sistem pemilihan. Begitu juga Kerajaan Negeri perlu menyediakan, mengemas kini dan menguatkuasakan perundangan, peraturan-peraturan dan garis panduan yang berkaitan dengan sektor perumahan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan pematuhan kepada sistem penyampaian kepada perkhidmatan berkaitan perumahan.

**2.1.2.** Berdasarkan mesyuarat Jawatankuasa Belah Bahagi (JKBB) yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri pada tahun 2007, mensyaratkan peruntukan 60% kepada kuota Melayu luar bandar dan 40% kepada kuota Melayu di bandar bagi setiap projek perumahan. Bagi dasar pelepasan lot kuota orang Melayu pada tahun 1999, pelepasan hendaklah mengekalkan sekurang-kurangnya 30% lot kediaman dan 10% lot perniagaan bagi projek di luar bandar dan 10% purata bagi projek di kawasan bandar pada keseluruhannya. Penetapan kuota Melayu yang melebihi kuota 60% dan 40% atau kurang adalah bergantung kepada keputusan JKBB.

**2.1.3.** Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka (PTG) adalah Jabatan yang bertanggungjawab dalam menguruskan perihal kuota Melayu bagi projek perumahan swasta di Negeri Melaka. PTG bertindak sebagai urus setia kepada mesyuarat JKBB dalam menerima permohonan, membuat rencana untuk dibawa ke dalam mesyuarat JKBB, memproses pelan dan menetapkan kedudukan dan bilangan pecahan kuota, meluluskan pelan kuota dan menguruskan pelepasan kuota Melayu termasuk kiraan sumbangan yang patut dibayar kepada Kerajaan Negeri. Manakala Lembaga Perumahan Melaka (LPM) pula adalah sebagai penerima pendaftaran pemaju bagi projek perumahan yang diluluskan oleh JKBB dan sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam urusan kawal selia dan pemantauan untuk kuota Melayu.

**2.1.4.** Bermula pertengahan tahun 2013, dasar pelepasan kuota Melayu bagi Negeri telah ditukar dengan sistem *swap* iaitu menukar unit kuota Melayu yang hendak ditukar dengan

unit kuota bukan Melayu yang ada bagi projek lain dan bagi pemaju yang sama. Ini bertujuan bagi mengawal pegangan kuota Melayu bagi setiap projek perumahan di Negeri Melaka.

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan kuota Melayu terhadap projek perumahan swasta di Negeri Melaka telah diuruskan dengan cekap, berkesan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan kuota Melayu terhadap projek perumahan di Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka dan Lembaga Perumahan Melaka. Pengauditan ini meliputi aspek mekanisme kawalan kuota Melayu, proses pelepasan kuota Melayu, pengurusan Akaun Amanah dan projek yang dibina bagi tahun 2013 hingga 2015. Selain itu, sebanyak 20 sampel projek yang telah dibina dan 17 sampel projek yang memohon pelepasan telah dipilih. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak pensampelan dokumen, temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan fizikal ke tapak projek. *Exit Conference* bersama Pengarah PTG dan pegawai-pegawai PTG serta Pengurus Pemasaran LPM telah diadakan pada 9 Mac 2016.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2015 hingga Januari 2016 mendapati pengurusan kuota Melayu terhadap projek perumahan swasta di Negeri Melaka adalah memuaskan daripada aspek proses pelepasan kuota Melayu tetapi mekanisme kawalan kuota Melayu perlu diberi penekanan dan penambahbaikan. Beberapa kelemahan dalam aspek pelaksanaan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Prestasi keseluruhan kuota Melayu tidak dapat diukur.
- Pegangan minimum kuota Melayu di beberapa projek tidak tercapai.
- Tiada pemantauan dan penguatkuasaan serta tiada pemantauan terhadap harga diskaun yang diberikan.

### **2.4.1. Prestasi Pemilikan Kuota Melayu Tidak Dapat Diukur**

#### **2.4.1.1. Prestasi Penetapan Kuota Melayu Bagi Permohonan Baru**

- a. Mekanisme kawalan kuota Melayu mengambil kira beberapa aspek seperti polisi penentuan kuota Melayu, pegangan perbandingan kuota Melayu serta prestasi pemilikan mengikut tahun. Prestasi kuota Melayu adalah untuk mengukur peratus kaum Melayu memiliki rumah yang disediakan oleh pihak pemaju swasta iaitu 60% bagi kawasan luar bandar atau 40% bagi kawasan bandar sebagaimana yang

ditetapkan. Penetapan kuota Melayu yang melebihi kuota 60% dan 40% atau kurang adalah bergantung kepada keputusan JKBB.

- b. Setiap permohonan kuota Melayu perlu dibuat semasa permohonan Serah Balik Beri Milik (SBMS) hendak dilakukan. Ini kerana PTG tidak mengasingkan maklumat berkenaan kuota Melayu yang didaftarkan sama ada dalam daftar kuota Melayu secara berasingan mahupun fail yang terlibat. Oleh itu, bagi mendapatkan bilangan permohonan kuota Melayu, pihak Audit perlu menyemak daftar dan fail SBMS yang disediakan.
- c. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2013 hingga 2015, pendaftaran unit hartanah yang telah diluluskan oleh PTG adalah berjumlah 8,045 unit yang melibatkan 59 pemaju bagi 63 bilangan projek. Dari jumlah berkenaan bilangan unit kuota Melayu yang telah diluluskan pula adalah berjumlah 4,027 unit. Namun, semakan Audit juga mendapati daftar SBMS bagi tahun 2013 hingga 2015 tidak mengandungi maklumat lengkap berkenaan perubahan harga, pindaan pelan projek yang melibatkan unit, peratus pegangan perbandingan kuota Melayu dan pecahan unit mengikut jenis bangunan setiap projek dan kawasan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Pendaftaran Unit Hartanah Dan Kuota Melayu Yang Diluluskan**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Bil. Pemaju	Bil. Projek	Unit Diluluskan	Unit Kuota Melayu
2013	24	27	3,396	1,528
2014	19	20	2,102	1,086
2015	16	16	2,547	1,413
<b>Jumlah</b>	<b>59</b>	<b>63</b>	<b>8,045</b>	<b>4,027</b>

Sumber: PTG

#### 2.4.1.2. Prestasi Pemilikan Kuota Melayu Bagi Projek Yang Telah Dimulakan

- a. Bagi menentukan pemilikan kuota Melayu bagi tahun 2013 hingga 2015, pihak Audit telah memilih projek perumahan yang mula dibina bagi tahun 2013 hingga 2015. Projek perumahan yang dipilih merupakan projek perumahan bagi pemaju yang telah membuat permohonan sebelum tahun 2013. Bagi tujuan ini, pihak Audit telah mendapatkan daftar pendaftaran projek yang telah memulakan pembinaan daripada LPM sebagai rujukan. Sebanyak 20 sampel projek yang mula dibina telah dipilih bagi menentukan kedudukan kuota Melayu. Semakan mendapati setiap pegangan kuota Melayu telah dipatuhi oleh pemaju dan tiada unit kuota Melayu yang telah disalahgunakan. Namun, semakan Audit ke atas pemaju yang dipilih mendapati harga jualan, bilangan unit dan bilangan baki unit belum dijual oleh pemaju berdasarkan sampel projek tidak sama dengan daftar yang disediakan oleh LPM. Ini berlaku kerana data yang disimpan oleh LPM tidak dikemas kini. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**20 Projek Perbezaan Harga Dan Unit Yang Terjual**

No.	Nama Pemaju	Nama Taman	Jumlah Unit	Jumlah Unit Terjual (LPM) (RM)	Unit Terjual [Semakan Audit]	Harga Jualan (LPM) (RM)	Harga Jualan [Semakan Audit] (RM)
1	Cebur Indah Sdn. Bhd.	Taman Bukit Katil Damai	5	2	5	318,000	330,000
2	Metro Interise Sdn. Bhd.	Taman Rambai Mutiara F1	7	0	7	178,000	190,000
3	Community Consortium Sdn. Bhd.	Taman Merdeka	22	17	22	143,000	180,000
4	Chengxing Dev & Const. Sdn. Bhd.	Taman Seri Duyong F3	120	95	120	126,000	338,000
5	Grand City Corp.	Taman Bukit Katil	44	25	44	424,710	446,000
6	Teladan Setia	Taman Krubong Indah	118	45	118	248,800	448,000
7	Teobros Development	Taman Puncak Malim F1	4	0	1	720,800	1,000,000
8	Salient Dev. Sdn. Bhd.	Taman Rambai Permai	9	1	9	147,000	160,000
9	Paya Emas Sdn. Bhd.	Taman Paya Emas	16	8	10	278,000	390,000
10	Paya Emas Sdn. Bhd.	Taman Paya Emas	6	1	6	241,000	260,000
11	Interkota Development Sdn. Bhd.	Taman Bachang Baru	18	4	17	236,980	260,000
12	Jelang Sempurna Sdn. Bhd.	Taman Padang Balang	24	3	24	202,980	300,000
13	Daibochi Land Sdn. Bhd.	Taman Cheng Bestari	52	37	52	228,480	280,000
14	Hillpark Development	Taman Terendak Height F3A	5	2	5	329,800	410,000
15	Jurus Kuasa Sdn. Bhd.	Taman Bandar Baru Simpang 4	29	8	29	313,480	330,000
16	Wajib Raya Sdn. Bhd.	Taman Pekan Klebang Sek IV	18	10	18	627,980	627,980
17	Rentas Makmur Sdn. Bhd.	Taman Perniagaan Klebang	20	15	20	508,980	508,980
18	Grand City Corp Sdn. Bhd.	Taman Bukit Melaka	48	17	48	377,000	390,000
19	Riverwell Resources Sdn. Bhd.	Taman Bukit Larang Indah	147	100	147	218,800	290,000
20	Bukit Wawasan Development Sdn. Bhd.	Taman Bukit Piatu Mutiara	27	15	27	356,888	330,000

Sumber: LPM

- b. Selain itu, LPM juga adalah agensi yang bertanggungjawab bagi mengesahkan harga jualan bagi tujuan kiraan sumbangan untuk pelepasan kuota Melayu oleh PTG. Semakan Audit mendapati laporan harga jualan tidak dikemas kini oleh LPM. Semakan silang tidak dapat dilakukan terhadap setiap kelulusan harga yang diluluskan oleh JKBB bagi mengesahkan perkara ini. Ini disebabkan LPM tidak menyelenggara fail dengan teratur dan kemas kini serta tiada nombor fail yang ditetapkan bagi setiap projek. Selain itu LPM tidak membuat tindakan susulan bagi mendapatkan laporan tersebut. Kesannya kesahihan maklumat yang disediakan boleh diragui dan boleh dipertikaikan. Pemaju juga boleh memanipulasikan maklumat berkaitan unit kuota Melayu yang belum terjual serta mengambil kesempatan dengan mendakwa kuota Melayu tidak dapat dijual dan memohon pelepasan. Oleh itu analisis bagi menentukan pemilikan kuota Melayu bagi projek yang telah dimulakan tidak dapat dijalankan kerana dikhuatiri hasil analisis yang dihasilkan boleh diragui.

- c. **Maklum balas PTG dalam *Exit Conference* bertarikh 9 Mac 2016**, menyatakan data pembangunan kuota ada disediakan oleh LPM tetapi tidak dikemas kini. **Maklum balas LPM dalam *Exit Conference* bertarikh 9 Mac 2016**, menyatakan pihak LPM ada menyimpan maklumat pemilikan hartanah Melayu melalui pelan kuota yang diluluskan oleh JKBB mulai tahun 2002 hingga 2015. Fail berkaitan pengurusan kuota Melayu juga tidak diselenggarakan dengan baik dan memuaskan. Pihak LPM boleh mengesahkan bahawa daripada lebih 150 pemaju perumahan surat yang dihantar, penerimaan semula laporan jualan pemaju adalah amat kecil dan tiada sambutan. Satu arahan pihak pengurusan LPM telah pun dikeluarkan dan meminta supaya Unit Pemasaran membaikpulih dan menyelenggarakan fail-fail berkenaan mulai tahun 2016.

Pada pendapat Audit, prestasi pemilikan kuota Melayu tidak dapat diukur kerana ketiadaan maklumat yang lengkap dan kemas kini.

## 2.4.2. Pelepasan Kuota Melayu

### 2.4.2.1. Pegangan Minimum Kuota Melayu

- a. Mengikut Dasar Pelepasan PTG Tahun 1999, setiap pelepasan keseluruhan baki kuota Melayu boleh dibuat jika sekurang-kurangnya 30% bagi kediaman luar bandar atau 10% bagi perniagaan luar bandar bagi projek berkenaan telah terjual kepada orang Melayu. Bagi projek pembangunan hartanah kawasan bandar pula, pegangan minimum kuota Melayu adalah 10% purata pada keseluruhannya.
- b. Bagi setiap pelepasan yang dikemukakan, pemaju perlu memenuhi beberapa syarat pelepasan kuota Melayu yang telah ditetapkan seperti berikut:
- i. Bangunan sekurang-kurangnya 65% siap dengan disahkan oleh Arkitek Berdaftar.
  - ii. Mengiklankan penjualan di akhbar tempatan sebanyak 6 kali dan 3 kali di akhbar Melaka Hari ini.
  - iii. Mengiklankan penjualan di radio Melaka FM sekurang-kurangnya 14 kali.
  - iv. Mendaftar dengan LPM.
  - v. Harga jualan hendaklah disahkan oleh LPM.
  - vi. Lot-lot kuota bukan Melayu hendaklah habis dijual.

- vii. Rayuan semula bagi baki kuota yang masih ada dibenarkan dibuat selepas tempoh tiga bulan dari kelulusan yang sebelumnya dan lot-lot yang diberi pelepasan hendaklah habis dijual.
  - viii. Bayaran sumbangan pelepasan hendaklah dijelaskan sebelum rayuan seterusnya dipohon.
  - ix. 30% dari lot kediaman dan 10% lot perniagaan di kawasan luar Bandar dan purata 10% bagi projek di kawasan bandar dikekalkan untuk orang Melayu.
- c. Semakan Audit mendapati PTG telah membuat kiraan baki pecahan yang dibenarkan sebelum pelepasan diluluskan oleh JKBB. Kiraan baki berdasarkan baki kuota akan menjadi lebih kecil jika dibandingkan kiraan berdasarkan daripada baki projek keseluruhan. Sejumlah 17 pemaju yang telah diluluskan pelepasan kuota Melayu telah dipilih.
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati 6 daripada 17 sampel yang dipilih tidak mencapai pegangan minimum kuota Melayu yang ditetapkan bagi tahun 2012 dan 2013. Peratus pegangan unit Melayu bagi 6 sampel yang tidak mencapai pegangan minimum kuota Melayu berkenaan adalah berjumlah 39 unit berbanding kuota Melayu minimum yang sepatutnya dikekalkan iaitu 66 unit. Peratus unit kuota Melayu bagi 6 sampel yang tidak mencapai pegangan minimum kuota Melayu berkenaan adalah di antara 0% hingga 28%. Bagaimanapun baki 11 sampel lagi telah memenuhi syarat pelepasan minimum yang ditetapkan. Projek perumahan yang tidak dapat mengekalkan pegangan minimum kuota Melayu adalah projek-projek perumahan yang telah diluluskan pada tahun 2010 dan sebelumnya. Pelepasan yang tidak mencapai pegangan minimum kuota Melayu yang telah ditetapkan adalah seperti di **Jadual 2.3** serta **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. Kesannya pelepasan kuota Melayu melebihi dari yang sepatutnya serta pegangan minimum 30% unit hartanah Melayu di luar bandar dan 10% di kawasan bandar tidak tercapai sebagaimana yang telah ditetapkan.
- e. **Maklum balas PTG dalam Exit Conference bertarikh 9 Mac 2016, menyatakan mana-mana keputusan pelepasan kuota minimum melebihi 30% adalah bergantung kepada keputusan mesyuarat Jawatankuasa Belah Bahagi (JKBB).**



**Jadual 2.3**  
**Pelepasan Tidak Mencapai Pegangan Minimum Kuota Melayu**

Bil.	Nama Pemaju/ Projek	Bilangan Unit Perumahan	Bilangan Unit Melayu	Pengekalan Unit Melayu	Bilangan Unit Melayu Dilepaskan	Baki Unit Melayu Yang Tinggal	Peratus Baki Unit Melayu (%)
1	Tetuan Hajat Bersaudara Sdn. Bhd./Teres 2 Tingkat, Taman Sutra Belia	58	35 (60%)	17(30%)	31	4	6.9
2	Tetuan Jelang Sempurna Sdn. Bhd./Teres 2 Tingkat, Taman Padang Balang	68	40 (60%)	20(30%)	21	19	28
3	Tetuan Teobros Sdn. Bhd./Teres 2 Tingkat Taman Puncak Malim	20	6 (30%)	6(30%)	6	0	0
4	Tetuan Supreme Richmint (M) Sdn. Bhd./Teres 2 Tingkat, Taman Bakti Kawasan Bandar	9	3 (30%)	1(10%)	3	0	0
5	Tetuan Paya Emas Sdn. Bhd./Teres 2 Tingkat & Kedai, Taman Paya Emas	48	24 (50%)	13(30%)	13	11	25
6	Tetuan Seloka Unit Sdn. Bhd./Teres 2 Tingkat & Kembar 2 Tingkat	24	14 (60%)	7(30%)	9	5	21
<b>Jumlah</b>		<b>227</b>		<b>66</b>	<b>86</b>	<b>39</b>	

Sumber: PTG

**Gambar 2.1**  
**Projek Perumahan 2 Tingkat**  
**Taman Sutera Belia**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Batu Berendam, Melaka  
Tarikh: 29 Disember 2015

**Gambar 2.2**  
**Projek Perumahan 2 Tingkat**  
**Taman Bakti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kawasan Bandar, Melaka  
Tarikh: 29 Disember 2015

#### **2.4.2.2. Bayaran Sumbangan Bagi Tujuan Pelepasan Kuota Melayu**

Mengikut Dasar Pelepasan PTG Tahun 1999, setiap pelepasan akan dikenakan bayaran sumbangan atau levi berdasarkan peratus yang ditetapkan sehingga 7% dari harga jualan yang diperakukan oleh LPM. Pemaju dikehendaki menjelaskan bayaran sumbangan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah dalam tempoh 3 bulan atau tawaran ini akan terbatal selepas tempoh tersebut bagi membolehkan pembatalan sekatan kepentingan di dalam hakmilik dibuat. Pengiraan sumbangan yang dibuat oleh PTG

adalah berdasarkan harga jualan yang diperakukan oleh LPM. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 49 pemaju telah diluluskan pelepasan kuota Melayu iaitu 43 pemaju bagi tahun 2012 dan 6 pemaju bagi tahun 2013. Bayaran sumbangan yang dikenakan adalah berjumlah RM3.2 juta bagi tahun 2012 dan RM193,520 bagi tahun 2013.

**a. Bayaran Sumbangan Pelepasan Kuota Melayu Terkurang Caj**

Semakan Audit terhadap satu fail projek mendapati pemaju telah mendapatkan pengesahan harga jualan dari LPM bagi tujuan pelepasan kuota Melayu. Pelepasan melibatkan Taman Bachang Baru bagi 7 unit rumah teres 2 tingkat. Pengesahan harga jualan yang telah diperakukan oleh LPM ialah RM180,000 hingga RM228,480. Sumbangan dikira berdasarkan pengesahan harga jualan bagi 7 unit rumah tersebut ialah RM94,987.20. Harga yang dijual oleh pemaju ialah RM278,800 seunit dan lebih tinggi dari harga yang telah diperakukan. Bayaran sumbangan yang sepatutnya dikenakan ialah berjumlah RM136,612. Perbezaan bayaran sumbangan yang tidak dikenakan kepada pemaju adalah berjumlah RM41,625. Kesannya Kerajaan Negeri tidak mendapat hasil yang sepatutnya dari pemaju dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan Negeri.

- b. Maklum balas PTG dalam *Exit Conference* bertarikh 9 Mac 2016, menyatakan PTG telah mengeluarkan arahan kepada PDTMT untuk menyerahkan satu salinan resit bayaran sumbangan pelepasan kuota Melayu mulai tahun ini. PTG juga memaklumkan bayaran sumbangan dikenakan berdasarkan kelulusan harga dari mesyuarat JKBB. Kebanyakan pemaju akan menaikkan harga jualan selepas CCC dikeluarkan tanpa dapat dikawal oleh PTG. PTG juga menjelaskan kebanyakan pembeli meminta untuk menaikkan harga jualan semata-mata untuk membeli kelengkapan rumah.**

**2.4.2.3. Tiada Kawalan Terhadap Potongan Diskaun Bagi Kuota Melayu**

- a.** Berdasarkan kelulusan keputusan Mesyuarat JKBB pada bulan Julai 2007, kadar potongan harga diskaun untuk penjualan bangunan kepada kuota Melayu adalah dari 5% hingga 15% iaitu bagi kadar harga jualan RM25,001 sehingga RM200,000 dan ke atas. Setiap permohonan penetapan kuota yang diluluskan mengikut kawasan dan harga jualan ditetapkan oleh JKBB. Potongan diskaun yang sepatutnya diberikan oleh pemaju kepada unit kuota Melayu mengikut kadar harga jualan adalah seperti di **Jadual 2.4.**

**Jadual 2.4**  
**Kadar Potongan Harga Diskaun Untuk Unit Kuota Melayu**

Harga (RM)	Kadar Potongan Diskaun (%)
25,001 - 60,000	5.0
60,001 - 100,000	7.5
100,001 - 150,000	10.0
150,001 - 200,000	12.5
200,000 ke atas	15.0

Sumber: PTG

- b. Semakan Audit mendapati PTG tiada kawalan ke atas potongan diskaun yang sepatutnya diberikan kepada kuota Melayu berdasarkan harga yang telah diluluskan. Tiada rujukan pengesahan harga jualan dilakukan kerana tiada peraturan atau garis panduan yang ditetapkan seperti syarat iklan jualan dan meletakkan harga jualan dalam iklan dikeluarkan. Syarat untuk pengesahan harga jualan hanya dikenakan kepada pemaju yang membuat permohonan pelepasan kuota Melayu sahaja. PTG dan LPM tidak dapat mengesahkan sama ada diskaun ada diberikan oleh pemaju kepada pembeli unit kuota Melayu. Sejumlah 3,723 unit kuota Melayu telah dijual dari tahun 2013 hingga 2015 tetapi tidak dapat disahkan harga jualan telah diberikan diskaun berdasarkan harga yang diluluskan. LPM telah memperkenalkan penggunaan Sijil Layak Memiliki Rumah (SLMR) bagi pengawalan harga setiap penjualan unit hartanah dan telah diluluskan pada bulan Januari 2014 oleh MMKN. Bagaimanapun ianya belum dapat dilaksanakan kerana mendapat tentangan daripada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA).
- c. Kesannya harga jualan tidak dapat disahkan, dikawal dan boleh menyebabkan penipuan harga jualan sebelum diskaun serta mengakibatkan pembeli terpaksa membayar lebih dari harga yang sepatutnya.
- d. **Maklum balas PTG dan LPM dalam *Exit Conference* bertariikh 9 Mac 2016, menyatakan SLMR sepatutnya telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2016 namun masih belum dapat dilaksanakan kerana mendapat tentangan REHDA. PTG dan LPM telah mengambil inisiatif dalam mengawal selia perkara ini. Pelaksanaan SLMR mempunyai matlamat yang terbaik sebagai satu mekanisme mengawal kuota Melayu. Walau bagaimanapun, sehingga 29 Februari 2016, pihak LPM masih belum menerima sebarang permohonan SLMR daripada pihak pemaju. Pihak REHDA masa kini masih berusaha untuk melengah-lengahkan dengan menangguhkan pelaksanaan SLMR. Pihak REHDA juga telah mengetengahkan isu SLMR ke peringkat tertinggi iaitu di Peringkat Persekutuan melalui PEMUDAH, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Putrajaya.**

**Pada pendapat Audit, mekanisme kawalan kuota Melayu perlu diberi perhatian sewajarnya kerana tanpa kawalan dan perhatian yang serius boleh menyebabkan pelaksanaannya tidak mencapai objektif sebenar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.**

#### **2.4.3. Sekatan Kepentingan Hakmilik Melayu Teratur**

Dasar Pelepasan PTG Tahun 1999 menetapkan setiap pelepasan kuota Melayu akan dikenakan bayaran sumbangan atau levi berdasarkan peratus yang ditetapkan sehingga 7% dari harga yang disahkan oleh LPM. Pemaju dikehendaki menjelaskan bayaran ini dalam tempoh 3 bulan atau tawaran ini akan terbatal dengan sendirinya. Carian rasmi sebanyak 116 hakmilik bagi tahun 2012 dan 2013 telah dipilih. Berdasarkan carian rasmi tersebut, pihak Audit mendapati hanya 3 hakmilik sahaja yang tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat pembayaran sumbangan pelepasan di dalam fail berkenaan. Ini disebabkan daftar pelepasan tidak disediakan dan salinan resit sumbangan tidak disimpan oleh PTG.

**Pada pendapat Audit, kawalan pelepasan kuota Melayu adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, pemantauan terhadap pelepasan pegangan minimum bagi kuota Melayu dan bayaran sumbangan perlu ditambah baik.**

#### **2.4.4. Pemantauan Berkala Dan Penguatkuasaan Tidak Dijalankan**

**2.4.4.1.** Seksyen 33(1), Enakmen Lembaga Perumahan Negeri Melaka 2002 menyatakan LPM diberi kuasa untuk mendapatkan maklumat mengenai pembangunan perumahan dari mana-mana orang atau agensi. Seksyen 33(3) pula memperuntukkan jika maklumat tidak diberikan atau mengelirukan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5,000. Semakan Audit mendapati pemantauan tidak dijalankan pada tahun 2013 dan 2014. Bagi tahun 2015 pemantauan hanya dibuat pada bulan Januari hingga Jun 2015. Namun laporan yang disediakan terlalu ringkas dan tiada dokumen sokongan yang disertakan bagi mengesahkan, perbincangan, projek perumahan yang dilawat serta disiasat. Tindakan penguatkuasaan denda tidak pernah diambil oleh LPM terhadap pemaju yang ingkar sejak tahun 2002. Tiada pegawai yang dikhaskan di LPM untuk tujuan pemantauan dan penguatkuasaan unit kuota Melayu kerana LPM lebih tertumpu kepada projek perumahan kos rendah. Kesannya, laporan yang diterima daripada pemaju tidak lengkap dan diragui. Selain itu bilangan unit dan harga jualan bagi kuota Melayu juga boleh dimanipulasikan oleh pemaju dan maklumat tidak dapat diketahui oleh pembeli.

**2.4.4.2.** **Maklum balas LPM dalam Exit Conference bertarikh 9 Mac 2016, menyatakan tugas pemantauan dan penguatkuasaan adalah di dalam bidang kuasa LPM dan PTG hanya bertindak sebagai urus setia bagi pengurusan kuota Melayu. Pihak LPM akan merujuk dan mendapat nasihat dari Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri mengenai taksiran peruntukan Seksyen 33 (1) dan Seksyen 33 (3). Pihak LPM juga mengakui bahawa pegawai LPM kurang berpengalaman di dalam**

**mengendalikan kes-kes pendakwaan terhadap pemaju yang ingkar atau sengaja gagal mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Melaka.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan kuota Melayu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamatnya, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka dan Lembaga Perumahan Melaka disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

**2.5.1.** Unit Khas untuk pemantauan dan penguatkuasaan perlu ditubuhkan bagi memastikan kepentingan kuota Melayu dalam pemilikan hartanah terjamin sebagaimana penetapan dasar yang telah dikuatkuasakan di Negeri Melaka dengan menyediakan:

**2.5.1.1.** Daftar utama sebagai rujukan penting dalam mengenal pasti setiap perubahan, kelulusan, pelepasan dan lain-lain maklumat berkaitan unit hartanah kuota Melayu.

**2.5.1.2.** Menguatkuasakan Sijil Layak Memiliki Rumah (SLMR) secara serta merta bagi menghalang manipulasi harga diskaun oleh pemaju dan menjaga kepentingan pembeli.

**2.5.1.3.** Menguatkuasakan denda yang sepatutnya dikenakan kepada pemaju yang ingkar dengan arahan untuk mengemukakan laporan kemajuan projek secara terperinci bagi mengelakkan kesilapan berlaku dalam menetapkan pengesahan harga dan lain-lain maklumat penting yang boleh diguna pakai secara bersama oleh Kerajaan dan orang pembeli.

## JABATAN PERTANIAN NEGERI

### 3. PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN TANI

#### 3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Program Pembangunan Usahawan Tani di bawah tanggungjawab Jabatan Pertanian Negeri Melaka (JPNM) adalah merangkumi program Pembangunan Industri Tanaman Makanan (ITM) dan Industri Asas Tani (IAT). Program Pembangunan ITM melibatkan 5 projek pembangunan iaitu buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang, industri berdaya maju, kelapa dan padi. Di antara projek industri berdaya maju adalah seperti cendawan, serai dan lebah kelulut. Program Pembangunan IAT pula merupakan aktiviti menambah nilai bahan mentah berasaskan pertanian melalui aktiviti pemprosesan untuk dijadikan produk yang boleh dipasarkan. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran pertanian dan pendapatan pengusaha serta untuk memastikan pengeluaran makanan mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan. Bagi melaksanakan program ini pengusaha diberi bantuan secara percuma seperti bahan input pertanian, kos pembersihan kawasan, kemudahan pagar dan lain-lain. Terdapat juga bantuan yang diberi secara pinjaman iaitu mesin dan peralatan seperti pam air, penyembur bergalas, ketuhar elektrik, mesin penguli tepung, mesin pemisah air dan lain-lain.

3.1.2. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, seramai 555 orang pengusaha bagi Program Pembangunan ITM dan seramai 96 orang pengusaha bagi Program Pembangunan IAT telah menerima bantuan daripada JPNM. Peruntukan sejumlah RM1.62 juta telah diterima oleh JPNM bagi membiayai program tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Peruntukan Dan Bilangan Pengusaha Bagi Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan Dan Industri Asas Tani Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015**

Tahun	Program Pembangunan ITM		Program Pembangunan IAT		Jumlah	
	Peruntukan (RM)	Bil. Pengusaha	Peruntukan (RM)	Bil. Pengusaha	Peruntukan (RM)	Bil. Pengusaha
2013	630,000	381	80,000	28	710,000	409
2014	630,000	150	80,000	31	710,000	181
2015	50,000	24	150,000	37	200,000	61
<b>Jumlah</b>	<b>1,310,000</b>	<b>555</b>	<b>310,000</b>	<b>96</b>	<b>1,620,000</b>	<b>651</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

#### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Program Pembangunan Usahawan Tani yang dirancang telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### 3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan ini adalah meliputi aspek pengurusan pembangunan industri tanaman makanan dan pembangunan industri asas tani bagi tempoh 2013 hingga 2015 yang melibatkan Jabatan Pertanian Negeri dan 2 pejabat Pertanian Daerah iaitu Melaka Tengah dan Alor Gajah. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail dan dokumen berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan lawatan fizikal ke ladang pengusaha dan premis pemprosesan makanan bagi 2 daerah yang menerima bantuan daripada JPNM turut dilaksanakan. Selain itu, soal selidik juga disediakan bagi mendapat maklum balas daripada pengusaha yang terlibat. *Exit Conference* bersama Pengarah dan pegawai-pegawai JPNM, pegawai Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka dan pegawai Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah diadakan pada 7 Mac 2016.

### 3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan mulai September hingga Disember 2015 mendapati, secara keseluruhannya prestasi pengurusan Program Pembangunan Usahawan Tani adalah memuaskan kerana prestasi pencapaian bilangan projek, bilangan pengusaha dan keluasan tanaman untuk program ITM melebihi 52.2% berbanding sasaran yang ditetapkan manakala bagi program IAT pula prestasi pencapaian bilangan pengusaha dan projek tercapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

- Sasaran nilai pengeluaran bagi hasil tanaman tidak ditetapkan.
- Sasaran pendapatan bersih pengusaha tidak tercapai.
- Penerima sijil myGAP dan myOrganic tidak mencapai sasaran dan 11.5% sampel residu racun perosak melanggar *Minimum Residual Value* (MRL).
- Bantuan pinjaman mesin dan peralatan diberi tanpa ikatan surat aku janji dan tidak ditarik balik apabila pengusaha tidak lagi beroperasi.

#### 3.4.1. Prestasi Pencapaian Program

**3.4.1.1.** Bagi tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM1.31 juta telah diperuntukkan kepada program ITM bagi 5 projek yang dilaksanakan kecuali pada tahun 2015, JPNM hanya menerima peruntukan bagi projek buah-buahan sahaja. Perbelanjaan bagi tempoh 3 tahun tersebut adalah sejumlah RM1,309,947. Ini bermakna prestasi perbelanjaan mencapai 99.9% berbanding peruntukan bagi tempoh 3 tahun tersebut. Bagi program IAT, sejumlah RM310,000 telah diperuntukkan dan sejumlah RM309,989 atau 99.9% telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Program Industri Tanaman Makanan Dan Industri**  
**Asas Tani Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Program Pembangunan ITM		Program Pembangunan IAT	
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2013	630,000	629,994	80,000	79,998
2014	630,000	629,998	80,000	79,999
2015	50,000	49,955	150,000	149,992
<b>Jumlah</b>	<b>1,310,000</b>	<b>1,309,947</b>	<b>310,000</b>	<b>309,989</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

**3.4.1.2.** Bagi memastikan program ITM dan IAT mencapai matlamat JPNM iaitu meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan bilangan pengusaha, JPNM perlu menetapkan sasaran pengeluaran hasil setiap tahun, keluasan dan bilangan pengusaha. Semakan Audit mendapati JPNM ada menetapkan sasaran bilangan pengusaha, projek dan keluasan tanaman pada tahun 2013 dan 2014 bagi ITM kecuali pada tahun 2015 tiada sasaran ditetapkan. JPNM juga tidak menetapkan sasaran pengeluaran hasil untuk setiap tahun bagi tempoh 2013 hingga 2015. Sasaran bagi ITM yang ditetapkan oleh JPNM pada tahun 2013 dan 2014 adalah mengikut jenis tanaman. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Pencapaian Bilangan Pengusaha, Projek Dan Keluasan Tanaman Berbanding Sasaran**  
**Bagi Program Pembangunan Industri Tanaman Makanan Bagi Tahun 2013 Dan 2014**

Perkara	Bil. Projek		Bil. Pengusaha		Luas Terlibat	
	2013 (Bil.)	2014 (Bil.)	2013 (Bil.)	2014 (Bil.)	2013 (Ha)	2014 (Ha)
<b>Projek Buah-Buahan</b>						
Sasaran	38	20	138	20	121	54.6
Pencapaian	38	18	118	19	121.2	58.1
<b>Peratus (%)</b>	<b>100</b>	<b>90.0</b>	<b>85.5</b>	<b>95.0</b>	<b>100.2</b>	<b>106.5</b>
<b>Sayuran Dan Tanaman Ladang</b>						
Sasaran	40	60	53	42	72.1	52.8
Pencapaian	43	37	48	37	58.1	48.6
<b>Peratus (%)</b>	<b>107.5</b>	<b>61.7</b>	<b>90.6</b>	<b>88.1</b>	<b>80.6</b>	<b>92.1</b>
<b>Industri Berdaya Maju</b>						
Sasaran	16	14	20	14	29.6	15.3
Pencapaian	17	10	26	10	39.3	9.4
<b>Peratus (%)</b>	<b>106.3</b>	<b>71.4</b>	<b>130.0</b>	<b>71.4</b>	<b>132.8</b>	<b>61.4</b>
<b>Kelapa</b>						
Sasaran	37	62	39	67	53.3	56.2
Pencapaian	34	35	64	35	48.1	32.1
<b>Peratus (%)</b>	<b>91.9</b>	<b>56.5</b>	<b>164.1</b>	<b>52.2</b>	<b>90.2</b>	<b>57.1</b>
<b>Padi</b>						
Sasaran	10	3	186	3	487.4	30.4
Pencapaian	9	4	97	18	341.7	90.3
<b>Peratus (%)</b>	<b>90.0</b>	<b>133.3</b>	<b>52.2</b>	<b>600.0</b>	<b>70.1</b>	<b>297.2</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri



**3.4.1.3.** Analisis Audit mendapati prestasi pencapaian bilangan projek bagi projek buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang, industri berdaya maju dan kelapa menurun pada tahun 2014 kecuali prestasi pencapaian projek padi yang meningkat kepada 133.3%. Bagi prestasi pencapaian bilangan pengusaha pula, berlaku peningkatan bagi projek buah-buahan dan padi iaitu masing-masing sebanyak 95% dan 600% pada tahun 2014. Bagi prestasi pencapaian luas yang terlibat, projek buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang, dan padi meningkat pada tahun 2014 iaitu masing-masing sebanyak 106.5%, 92.1% dan 297.2%.

**3.4.1.4.** Bagi program IAT pula, JPNM ada menetapkan bilangan pengusaha, projek dan nilai pengeluaran bagi tahun 2013 dan 2014 kecuali pada tahun 2015 tiada sasaran ditetapkan. Prestasi pencapaian bilangan projek dan pengusaha bagi tahun 2013 dan 2014 mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menganalisis maklumat berkaitan bagi pencapaian sebenar nilai pengeluaran untuk pengesahan kerana dokumen yang dikemukakan tidak lengkap. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Pencapaian Bilangan Pengusaha Dan Projek Berbanding Sasaran Untuk Program Pembangunan Industri Asas Tani Bagi Tahun 2013 Dan 2014**

Tahun	Bil. Pengusaha			Bil. Projek		
	Sasaran (Bil.)	Pencapaian		Sasaran (Bil.)	Pencapaian	
		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)
2013	26	28	107.7	23	28	121.7
2014	26	31	119.2	23	31	134.8

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

**3.4.1.5.** **Maklum balas JPNM bertarikh 11 Mac 2016, menyatakan sasaran bilangan pengusaha, projek dan keluasan tanaman tidak ditetapkan pada tahun 2015 kerana sasaran bagi tahun 2015 adalah mengikut sasaran pengeluaran beberapa komoditi utama dan ia menjadi KPI Pengarah Pertanian Negeri Melaka. Jabatan tidak menetapkan sasaran nilai pengeluaran bagi tanaman kerana ia dipengaruhi oleh faktor harga pasaran yang tidak stabil dan tidak menentu. Bagi program IAT pula, pada tahun 2015, Jabatan telah memberi fokus kepada pembangunan usahawan Bumiputera dan Agropreneur Muda.**

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian bilangan pengusaha dan projek bagi program IAT juga adalah baik kerana melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi pencapaian bilangan projek, bilangan pengusaha dan keluasan tanaman untuk program ITM adalah memuaskan dengan pencapaian melebihi 52.2% berbanding sasaran yang ditetapkan.

### **3.4.2. Sasaran Pendapatan Bersih Pengusaha Tidak Tercapai**

**3.4.2.1.** Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan JPNM, matlamat JPNM adalah untuk meningkatkan pendapatan bersih pengusaha sejumlah RM3,000

sebulan. Analisis Audit terhadap maklum balas borang soal selidik yang diterima daripada 87 pengusaha yang menerima bantuan daripada JPNM mendapati 34 orang atau 39.1% pengusaha memperoleh pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan di mana mencapai sasaran yang ditetapkan. Manakala seramai 53 orang atau 60.9% daripadanya memperoleh pendapatan bersih kurang daripada RM3,000 sebulan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Pendapatan Bersih Bulanan Pengusaha Yang Menerima Bantuan**

Bil.	Projek	Jumlah Sampel (Bil. Pengusaha)	RM3,001 Dan Ke Atas (Bil. Pengusaha)	RM3,000 Ke Bawah (Bil. Pengusaha)
1	ITM	61	23	38
2	IAT	26	11	15
<b>Jumlah</b>		<b>87</b>	<b>34 (39.1%)</b>	<b>53 (60.9%)</b>

Sumber: Analisis Borang Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

**3.4.2.2.** Berdasarkan temu bual dengan pengusaha di bawah program ITM, antara punca pendapatan tidak mencapai sasaran adalah disebabkan tanaman mengalami jangkitan penyakit, serangan musuh tanaman, dan faktor tanah yang tidak sesuai. Selain itu, terdapat juga pengusaha yang mempunyai pekerjaan lain dan tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap tanaman dan ladang mereka. Manakala bagi pengusaha di bawah program IAT pula pengusaha menerima pendapatan bersih kurang daripada RM3,000 sebulan kerana pengusaha kurang mahir dalam memasarkan produk mereka dengan lebih meluas. Mereka hanya memasarkan produk berdasarkan tempahan atau permintaan daripada pelanggan.

**3.4.2.3.** **Maklum balas JPNM bertarikh 11 Mac 2016, menyatakan punca sasaran pendapatan bersih tidak dapat dicapai adalah faktor modal oleh pengusaha untuk membeli input seperti racun atau baja bagi tujuan mengawal perosak atau pemulihan tanaman. Jabatan juga turut menawarkan kepada pengusaha-pengusaha untuk membuat jualan secara terus dalam program-program yang dianjurkan oleh Jabatan/Agensi seperti MyBest Buy, Pasar Tani dan sebagainya. Namun faktor kekangan masa oleh pengusaha serta tenaga kerja yang kurang untuk terlibat dalam program-program tersebut menyebabkan mereka tidak dapat memperluaskan pasaran produk mereka.**

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian pendapatan bersih bulanan pengusaha adalah kurang memuaskan kerana hanya 34 (39.1%) daripada 87 pengusaha memperoleh pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan. Oleh itu JPNM hendaklah meningkatkan bantuan khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha yang kurang mahir dari segi pemasaran produk dan cara mengusahakan tanaman mengikut garis panduan yang ditetapkan.

### 3.4.3. Pensijilan MyGAP Dan myOrganic Serta Penggunaan Baja

#### 3.4.3.1. Sasaran Penerima Sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) Dan Skim Organik Malaysia (myOrganic) Tidak Tercapai

- a. MyGAP adalah skim pensijilan yang diberikan kepada petani dalam aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial untuk memastikan produk yang dihasilkan selamat dan berkualiti. Manakala myOrganic mengiktiraf ladang-ladang yang diusahakan secara organik iaitu pengeluaran ladang tidak menggunakan bahan kimia sintetik seperti baja kimia sebatian, racun perosak dan hormon penggalak tumbesaran.
- b. Semakan Audit mendapati JPNM mensasarkan 46 penerima sijil MyGAP dan 3 penerima sijil myOrganic bagi tahun 2013 hingga 2015. Pencapaian penerima sijil adalah 14 orang (30%) bagi MyGAP dan tiada penerima sijil myOrganic untuk tempoh 3 tahun seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
**Sasaran Dan Pencapaian Sasaran**  
**Penerima Sijil MyGAP Dan myOrganic**

Tahun	Penerima Sijil			
	MyGAP		myOrganic	
	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
2013	5	7	1	0
2014	15	3	1	0
2015	26	4	1	0
<b>Jumlah</b>	<b>46</b>	<b>14</b>	<b>3</b>	<b>0</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

- c. Mengikut JPNM, pengusaha gagal memperoleh sijil berkenaan kerana gagal memenuhi kriteria pensijilan yang ditetapkan seperti penilaian pemeriksaan tapak, sampel air dan hasil bagi analisis residu serta penilaian amalan ladang.
- d. **Maklum balas JPNM bertarikh 11 Mac 2016, menyatakan antara sebab pemohon tidak dapat pensijilan tersebut kerana mereka tidak dapat menyediakan rekod ladang yang sempurna. Maka dengan itu, bilangan penerima yang rendah tidak bermakna produk pertanian yang dihasilkan tidak berkualiti dan tidak selamat dimakan, cuma produk ladang tersebut tiada jaminan melalui skim tersebut. Walau bagaimanapun, ladang-ladang tersebut akan termasuk dalam program pemantauan sisa baki racun perosak bagi memastikan produk mereka selamat untuk dimakan. Selain itu, JPNM juga menyatakan sijil MyGAP dan myOrganic adalah bukan mandatori yang perlu diperolehi oleh pengusaha.**

Pada pendapat Audit, pencapaian pensijilan adalah kurang memuaskan. Walaupun sijil tersebut bukan mandatori tetapi ia boleh membantu meningkatkan daya maju pengusaha terbabit.

### 3.4.3.2. Penggunaan Racun Perosak Dalam Hasil Pertanian

Amalan Pertanian Baik (APB) dari segi penggunaan racun perosak adalah menggunakan racun perosak berdaftar dengan mematuhi jenis tanaman yang disyorkan, kadar bancuhan, kekerapan dan teknik semburan serta tempoh larangan mengutip hasil. Penggunaan yang tidak mengikut peraturan ditetapkan boleh menyebabkan lebihan residu racun perosak dalam hasil ladang yang membahayakan kesihatan pengguna. Kriteria penting APB ialah bancuhan, kekerapan, masa, teknik dan penggunaan dipatuhi maka residu racun perosak berkenaan tidak akan melebihi *Maximum Residue Limit (MRL)* yang ditetapkan.

#### a. Penghantaran Sampel Residu Racun

- i. Ujian terhadap sampel residu racun perosak perlu dilakukan ke atas hasil pertanian untuk memastikan racun yang digunakan oleh pengusaha adalah racun berdaftar dan tidak diguna melebihi kuantiti yang ditetapkan. JPNM perlu menghantar sampel residu racun perosak ke Makmal Residu Ayer Hitam, Johor mengikut sasaran yang ditetapkan oleh Bahagian Hortikultur JPNM di Putrajaya untuk dianalisis. Sasaran dan pencapaian penghantaran sampel bagi daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah adalah seperti di **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.7**  
**Sasaran Dan Pencapaian Penghantaran Sampel**  
**Daerah Melaka Tengah Dan Alor Gajah Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Hasil Pertanian		Peratus (%)
	Sasaran (Bil. Sampel)	Pencapaian (Bil. Sampel)	
<b>Daerah Melaka Tengah</b>			
2013	30	20	66.7
2014	40	40	100.0
2015	50	43	86.0
<b>Jumlah</b>	<b>120</b>	<b>103</b>	<b>85.8</b>
<b>Daerah Alor Gajah</b>			
2013	30	20	66.7
2014	40	29	72.5
2015	50	42	84.0
<b>Jumlah</b>	<b>120</b>	<b>91</b>	<b>75.8</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>240</b>	<b>194</b>	<b>80.8</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

- ii. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 103 atau 85.8% sampel residu racun telah dihantar ke Makmal Residu Ayer Hitam Johor berbanding 120 sasaran yang ditetapkan bagi daerah Melaka Tengah. Manakala bagi daerah Alor Gajah pula, pencapaian penghantaran sampel residu racun adalah sebanyak 91 atau 75.8% berbanding 240 sasaran yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, pencapaian penghantaran sampel residu racun bagi kedua-dua daerah adalah baik kerana mencapai 80.8% berbanding sasaran yang ditetapkan. **Maklum balas JPNM bertarikh 11 Mac 2016, menyatakan**

JPNM akan meneruskan penghantaran sampel produk pertanian dari ladang-ladang yang dipilih untuk tujuan analisis residu racun perosak bagi memastikan pengusaha tidak melanggar peraturan dan produk yang dihasilkan adalah bebas dari sisa baki racun.

**b. Penggunaan Racun Perosak Yang Tidak Dibenarkan**

- i. Semakan Audit terhadap laporan keputusan ujian sampel analisis residu racun yang disediakan oleh Makmal Residu Ayer Hitam Johor mendapati 21 sampel atau 11.5% daripada 183 sampel untuk 2 daerah iaitu Melaka Tengah dan Alor Gajah bagi tahun 2013 hingga 2015 telah berlaku pelanggaran *MRL*. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.8**  
**Sasaran Penghantaran Sampel Residu Racun Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bil.	Daerah	Bil. Sampel Dianalisis			Bil. Sampel Melanggar <i>MRL</i>			Sampel Melanggar <i>MRL</i> (%)		
		2013	2014	2015	2013	2014	2015	2013	2014	2015
1	Melaka Tengah	20	40	41	3	1	2	15.0	2.5	4.9
2	Alor Gajah	20	29	33	2	10	3	10.0	34.5	9.1
<b>Jumlah</b>		<b>40</b>	<b>69</b>	<b>74</b>	<b>5</b>	<b>11</b>	<b>5</b>	<b>12.5</b>	<b>15.9</b>	<b>6.8</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>183</b>			<b>21</b>			<b>11.5</b>		

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

- ii. Analisis yang dilakukan terhadap 21 sampel pelanggaran *MRL* mendapati perkara seperti di **Jadual 3.9**.

**Jadual 3.9**  
**Analisis Penggunaan Racun Yang Melebihi *MRL***

Bil.	Jenis Racun Yang Digunakan	Bil. Sampel	Butiran
1	<i>Triazophos</i>	2	Tidak disyorkan untuk semua sayuran.
2	<i>Dithiocarbamate</i>	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak disyorkan untuk tanaman peria, petola dan bendi.</li> <li>Dikesan melebihi <i>MRL</i>.</li> </ul>
3	<i>Omethoate</i>	1	Racun tidak disyorkan untuk tanaman peria.
4	<i>Methamidphos</i>	1	Racun terhad untuk tanaman kelapa sawit
5	<i>Delthamethrin</i>	1	Racun ini melebihi <i>MRL</i> .
6	<i>Profenofos</i>	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Racun berikut telah ditamatkan pendaftarannya.</li> <li>Racun diharamkan.</li> </ul>
7	<i>Gamma HCH</i>	1	Racun berikut telah di tamatkan pendaftarannya.
8	<i>Phentoate</i>	1	Racun tamat pendaftaran
9	<i>Dimethoate</i>	2	Racun tidak disyorkan untuk tanaman peria
10	<i>Lambda Cyhothrin</i>	1	Racun tidak disyorkan.
11	<i>Chlorprifos</i>	1	Melebihi <i>MRL</i>
12	<i>Profendfos</i>	3	Racun diharamkan
13	<i>Profendfos Chlorfenapyr</i>	1	Racun diharamkan
<b>Jumlah</b>		<b>21</b>	

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

- iii. **Maklum balas JPNM bertarikh 11 Mac 2016, menyatakan bagi kes pelanggaran MRL oleh pengusaha, JPNM akan mengambil tindakan teguran dan khidmat nasihat serta melakukan penghantaran sampel kali kedua untuk analisis sisa baki racun.**

**c. Penghantaran Sampel Kali Kedua Tidak Dibuat**

- i. Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemantauan Penggunaan Racun Perosak Dalam Hasil Pertanian menyatakan jika berlaku pelanggaran *MRL* terhadap penggunaan racun perosak pada kali pertama, JPNM perlu menghantar sampel kedua (hasil tanaman berikutnya) daripada petani yang sama ke makmal untuk dijalankan ujian. Pemantauan residu racun perosak perlu dilakukan bagi memastikan penggunaan racun perosak di kalangan petani agar sentiasa di paras terkawal. Jika masih berlaku pelanggaran *MRL*, JPNM perlu menghantar sampel ketiga. Sekiranya masih berlaku pelanggaran *MRL* pada sampel ketiga, JPNM hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa (JPNM Kesihatan) untuk tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha terbabit.
- ii. Semakan Audit pada 4 Disember 2015 terhadap keputusan ujian pelanggaran residu racun di daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 mendapati 3 daripada 10 sampel kedua bagi daerah Alor Gajah bagi tahun 2014 masih belum dihantar ke makmal. Bagaimanapun, bagi tahun 2013 kesemua sampel kedua telah dihantar ke makmal. Manakala bagi daerah Melaka Tengah telah mematuhi peraturan berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.10**.

**Jadual 3.10**  
**Sampel Kedua Bagi Daerah Alor Gajah Tidak Dihantar Untuk Ujian Residu Racun Bagi Tahun 2014**

Tahun	Bil. Sampel Pertama Melanggar <i>MRL</i>	Bil. Sampel Kedua Tidak Dihantar Ke Makmal	No. Sampel	Tarikh Sampel Diambil	Tarikh Sampel Dihantar	Tarikh Keputusan Makmal	Catatan
2014	10	3	M/AG/14/25	24.09.2014	25.09.2014	05.11.2014	Melebihi <i>MRL</i>
			M/AG/14/26				Racun tidak disyorkan
			M/AG/14/27				Racun tidak disyorkan

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

- iii. Keadaan ini berlaku kerana amalan penghantaran sampel menggunakan kaedah penggiliran tanpa mengambil kira sampel yang telah melanggar *MRL* pada bulan sebelumnya.
- iv. **Maklum balas JPNM bertarikh 11 Mac 2016, menyatakan penghantaran sampel kali kedua ke makmal untuk analisis sisa baki racun tidak dapat**

dibuat kerana terdapat isu di mana ladang tersebut tidak lagi diusahakan oleh pengusaha.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi pencapaian penghantaran sampel residu racun makhluk perosak adalah baik kerana 21 atau 11.5% sahaja sampel yang diuji melanggar MRL.

#### 3.4.4. Kemudahan Pinjaman Mesin Dan Peralatan

Bagi tempoh 2013 hingga 2015, JPNM telah membuat perolehan mesin dan peralatan berjumlah RM227,403 bagi daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah untuk diberikan secara pinjaman kepada pengusaha di bawah program ITM dan IAT. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.11**.

**Jadual 3.11**  
**Perolehan Mesin Dan Peralatan Bagi Tempoh 2013 Hingga 2015**

Perkara	2013		2014		2015		Jumlah	
	Bil.	Harga (RM)	Bil.	Harga (RM)	Bil.	Harga (RM)	Bil.	Harga (RM)
Mesin (ITM)	23	77,701	9	23,512	-	-	32	101,213
Peralatan (IAT)	19	39,390	16	25,080	21	61,720	56	126,190
<b>Jumlah</b>	<b>42</b>	<b>117,091</b>	<b>25</b>	<b>48,592</b>	<b>21</b>	<b>61,720</b>	<b>88</b>	<b>227,403</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

##### 3.4.4.1. Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman Mesin Dan Peralatan

Menurut Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Jabatan Pertanian Tahun 2012 menyatakan setiap pengusaha yang menerima kemudahan pinjaman mesin atau peralatan daripada JPNM perlu menandatangani Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman. Di dalam Surat Aku Janji tersebut terdapat nama pengusaha, jenis mesin atau peralatan yang dipinjam nombor siri pendaftaran, harga perolehan dan tempoh perjanjian. Tempoh perjanjian yang telah ditetapkan adalah tidak melebihi 3 tahun.

##### a. Bantuan Pinjaman Mesin Dan Peralatan Diberi Tanpa Ikatan Surat Aku Janji

Semakan Audit mendapati bagi tahun 2013 hingga 2015, perjanjian bagi 29 daripada 88 bantuan pinjaman mesin dan peralatan yang berjumlah RM82,568 daripada RM227,403 telah diberi kepada pengusaha tanpa ikatan surat aku janji. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.12** dan contoh mesin dan peralatan yang berkaitan adalah seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**.

**Jadual 3.12**  
**Bantuan Pinjaman Peralatan Dan Mesin Yang Diberi**  
**Tanpa Ikatan Surat Aku Janji**

Bil.	Perkara	Tahun Perolehan	Mesin Dan Peralatan (Bil.)	Harga (RM)
1	Mesin (ITM)	2013	13	48,401
		2014	8	22,887
		2015	-	-
<b>Jumlah</b>			<b>21</b>	<b>71,288</b>
2	Peralatan (IAT)	2013	2	4,280
		2014	4	3,300
		2015	2	3,700
<b>Jumlah</b>			<b>8</b>	<b>11,280</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>29</b>	<b>82,568</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

**Gambar 3.1**  
**Bantuan Pinjaman Mesin Yang Diberi Tanpa Surat Aku Janji**  
**- Mixer & Bagging**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Duyong, Daerah Melaka Tengah  
 Tarikh: 21 Disember 2015

**Gambar 3.2**  
**Bantuan Pinjaman Mesin Yang Diberi Tanpa Surat Aku Janji**  
**- Pam Madu Kelulut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Tebong, Daerah Alor Gajah  
 Tarikh: 16 Disember 2015

**Gambar 3.3**  
**Bantuan Pinjaman Peralatan Yang Diberi Tanpa Surat Aku Janji**  
**- Meja Kerja**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Tanjung Kling, Daerah Melaka Tengah  
 Tarikh: 17 Disember 2015

**Gambar 3.4**  
**Bantuan Pinjaman Peralatan Yang Diberi Tanpa Surat Aku Janji**  
**- Sealer Kaki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Tanjung Kling, Daerah Melaka Tengah  
 Tarikh: 17 Disember 2015



## b. Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman Peralatan Tidak Lengkap

- i. Semakan lanjut Audit juga mendapati sebanyak 32 daripada 56 bantuan pinjaman peralatan bagi program IAT tidak diisi maklumat dengan lengkap seperti tiada tempoh perjanjian, tiada senarai peralatan yang dipinjam dan tiada tandatangan oleh pengusaha. Manakala surat aku janji bantuan pinjaman mesin bagi program ITM diisi dengan lengkap. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.13**.

**Jadual 3.13**  
**Peralatan Yang Mempunyai Surat Aku Janji Yang Tidak Lengkap**

Bil.	Tahun Perolehan	Bilangan Peralatan	Harga (RM)
1	2013	16	33,260
2	2014	7	11,030
3	2015	9	34,610
<b>Jumlah</b>		<b>32</b>	<b>78,900</b>

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

- ii. Berdasarkan temu bual dengan pegawai JPNM, keadaan ini berlaku disebabkan pegawai yang bertanggungjawab menganggap peralatan tersebut tidak perlu dimasukkan ke dalam perjanjian kerana peralatan berkenaan bernilai rendah, mudah rosak dan tidak akan dipulangkan semula oleh pengusaha. Selain itu, terdapat perjanjian yang tiada tempoh dan tidak ditandatangani oleh pengusaha disebabkan kurangnya koordinasi dan pemantauan di peringkat Pejabat Pertanian Daerah dan Ibu Pejabat Negeri.
- c. Keadaan ini boleh menyebabkan JPNM sukar untuk mengambil semula mesin dan peralatan tersebut sekiranya tidak digunakan oleh pengusaha atau projek yang dijalankan oleh pengusaha telah tamat.
  - d. **Maklum balas JPNM bertarikh 11 Mac 2016, menyatakan JPNM akan mengambil tindakan untuk menyediakan dan melengkapkan surat aku janji bagi kesemua bantuan peralatan tersebut. JPNM juga akan menyusun semula jadual pemantauan di peringkat Ibu Pejabat dengan Pejabat di Daerah bagi memastikan pengurusan aset diurus dengan cekap.**

### 3.4.4.2. Mesin Dan Peralatan Yang Tidak Digunakan Tidak Ditarik Balik

- a. Berdasarkan para 8 Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman Mesin Dan Peralatan menyatakan JPNM berhak menarik balik peralatan jika pengusaha tidak menggunakan mesin dan peralatan selama tempoh 3 bulan atau projek telah tamat. Hasil lawatan Audit terhadap 62 sampel mesin dan peralatan bagi 43 pengusaha yang dipilih di daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah mendapati 56 mesin dan peralatan yang melibatkan 40 pengusaha masih berada di dalam keadaan baik dan masih digunakan oleh pengusaha. Bagaimanapun, terdapat 6 mesin dan peralatan

yang melibatkan 3 pengusaha tidak digunakan seperti di **Jadual 3.14** dan **Gambar 3.5** hingga **Gambar 3.8**.

**Jadual 3.14**  
**Senarai Mesin Dan Peralatan Yang Tidak Digunakan Tidak Ditarik Balik**

Bil.	Daerah	Tahun Perolehan	Bil. Mesin/ Peralatan	Harga (RM)	Penemuan Audit
1	Melaka Tengah	2013	3	9,250	Peralatan yang diterima oleh pengusaha pada tahun 2013 seperti di <b>Gambar 3.5</b> dan <b>Gambar 3.6</b> tidak digunakan kerana perniagaannya tidak lagi beroperasi. Pengusaha tersebut juga sukar untuk dihubungi menyebabkan JPNM tidak dapat menarik balik peralatan berkenaan.
2	Alor Gajah	2013	1	4,750	Mesin yang diterima pada tahun 2013 masih berkeadaan baik hanya disimpan dan tidak digunakan seperti di <b>Gambar 3.7</b> . Mesin tersebut tidak digunakan kerana pengusaha mempunyai masalah kesihatan dan tidak digunakan sejak diterima pada Disember 2013.
3	Alor Gajah	2013	2	4,000	Peralatan yang diterima pada tahun 2013 masih berkeadaan baik seperti di <b>Gambar 3.8</b> . Peralatan tersebut tidak digunakan lagi sejak Jun 2015 kerana pengusaha telah mempunyai pekerjaan lain dan tidak lagi menerima tempahan daripada pelanggan.
<b>Jumlah</b>			<b>6</b>	<b>18,000</b>	

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Gambar 3.5**  
**Premis Perniagaan Yang Tidak Lagi Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Durian Daun, Melaka  
Tarikh: 17 Disember 2015

**Gambar 3.6**  
**Peralatan Yang Tidak Digunakan**  
**- Cake Display Showcase**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Durian, Daun, Melaka  
Tarikh: 17 Disember 2015

**Gambar 3.7**  
**Mesin Yang Tidak Digunakan**  
**- Pam Air**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Tg. Rimau, Alor Gajah  
Tarikh: 16 Disember 2015

**Gambar 3.8**  
**Peralatan Yang Tidak Digunakan**  
**- Mesin Penguli Tepung Dan Ketuhar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Durian Tunggal, Melaka Tengah  
Tarikh: 15 Disember 2015

- b. Kegagalan JPNM untuk mengambil semula mesin dan peralatan yang tidak digunakan dan tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengusaha menyebabkan mesin dan peralatan tersebut tidak dapat diagihkan kepada pengusaha yang lain serta objektif pemberian bantuan pinjaman mesin dan peralatan tidak tercapai.
- c. **Maklum balas JPNM bertarikh 11 Mac 2016, menyatakan Jabatan akan mengambil tindakan untuk menarik balik bantuan peralatan tersebut daripada pengusaha yang terlibat melalui surat yang akan dikeluarkan kepada mereka.**

**Pada pendapat Audit, pengurusan kemudahan pinjaman mesin dan peralatan adalah kurang memuaskan kerana terdapat bantuan pinjaman peralatan dan mesin diberikan tanpa Surat Aku Janji dan tidak didaftarkan. Selain itu, peralatan dan mesin yang tidak digunakan tidak ditarik balik oleh JPNM.**

### **3.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan Program Pembangunan Usahawan Tani diuruskan dengan lebih cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan, Jabatan Pertanian Negeri Melaka adalah disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut:

- 3.5.1.** JPNM perlu menetapkan sasaran nilai pengeluaran hasil supaya dapat mengukur pencapaian matlamat program ini.
- 3.5.2.** Memastikan bantuan pinjaman peralatan dan mesin yang tidak digunakan ditarik balik agar dapat diagihkan kepada pengusaha yang lebih memerlukan.





---

**BAHAGIAN II**  
**PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN/AGENSI**  
**NEGERI**

---



---

## **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

---

### **4. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

#### **4.1. PENDAHULUAN**

**4.1.1.** Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**4.1.2.** Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

#### **4.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI**

Pada tahun 2015, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

**4.2.1.** Untuk memantapkan pengurusan kewangan kepada setiap Jabatan/Agensi Negeri, Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Bendahari Negeri telah mengeluarkan Pekeliling-pekeliiling Kewangan bagi menambah baik pengurusan kewangan dan perakaunan di semua peringkat Jabatan sepanjang tahun 2015. Antara pekeliiling-pekeliiling yang telah dikeluarkan ialah Penubuhan Jawatankuasa Rundingan Harga Di Peringkat Jabatan Negeri/Badan Berkanun Negeri/Penguasa Tempatan Negeri/Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Dan Format Standard Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus, Garis Panduan Tuntutan Pembayaran Melalui Panjar Wang Runcit, Tatacara Bayaran Perlaksanaan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial (PERKESO) Kepada Pegawai Lantikan Kontrak Kerajaan Negeri Melaka, Tatacara Penghantaran Dokumen Kira-Kira Wang Tunai (KKWT) Bagi Sistem e-Tanah, Tatacara Permohonan AP58(a) 2015 Bagi Invois/Tuntutan Yang Diterima Dalam Tempoh Akaun Kena Bayar 2014 dan Penggunaan Kod Objek Lanjut Bagi Pembayaran Caj Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

**4.2.2.** Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pembayaran cukai tanah di semua Pejabat Pos, Bank Simpanan Nasional, Pihak Berkuasa Tempatan, Pusat Transformasi Bandar dan kaunter kutipan luar di setiap daerah.

**4.2.3.** Memperkenalkan Portal e-Bayar Melaka sebagai pusat sehenti yang menyediakan perkhidmatan pembayaran elektronik untuk rakyat Melaka dan memperluaskan perkhidmatan kutipan *online*.

**4.2.4.** Kempen perkhidmatan kaunter bersepadu di kaunter kutipan di semua Pejabat Daerah Dan Tanah.

**4.2.5.** Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan mengikut peraturan dan undang-undang di bawah Akta Kanun Tanah Negara (tindakan Unit Penguatkuasaan Pejabat-pejabat Daerah Dan Tanah).

**4.2.6.** Sistem Penarafan Pusat Tanggungjawab ke atas penggunaan Sistem SPEKS telah diwujudkan mulai tahun 2013.

**4.2.7.** Kerajaan Negeri memberi ganjaran sejumlah RM8,000 kepada setiap Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat pengiktirafan 4 bintang bagi pengauditan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2014.

### **4.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI**

**4.3.1.** Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

**4.3.2.** Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan (*ranking*) berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 4.1** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 4.2**.



**Jadual 4.1**  
**Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Jadual 4.2**  
**Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89.9	Baik	
50 - 69.9	Memuaskan	
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 4.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 4.4.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 4.4.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset, pelaburan serta pinjaman.
- 4.4.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 4.4.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **4.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pada tahun 2015, pengauditan telah dijalankan di 9 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014/2015, bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Agensi Negeri secara menyeluruh.

#### **4.6. KAWALAN UTAMA**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 5 Jabatan Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Perolehan; Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; serta Pengurusan Kenderaan. Bagi 5 Agensi Negeri pula selain 8 kawalan di atas (tidak termasuk Pengurusan Perolehan dan Pengurusan Kenderaan), kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengesahan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

##### **4.6.1. Kawalan Pengurusan**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

###### **4.6.1.1. Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a.** Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b.** Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c.** Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubungan kait antara penyelia dengan pegawai

bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemas kini.

- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

#### **4.6.1.2. Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Proses Kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dan sentiasa dikemas kini dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Senarai Tugas disediakan dan sentiasa dikemas kini. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan Dalaman (seperti yang ditetapkan di bawah AP 308) dijalankan dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalannya, bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- d. Pemeriksaan Mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

#### **4.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah

diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

**a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) - Tadbir Urus Kewangan (PS) 5.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di setiap Jabatan/Agensi Kerajaan/Pusat Tanggungjawab untuk memantapkan pengurusan kewangan dan akaun. JPKA hendaklah mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan sekali, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**b. Unit Audit Dalam**

1PP PS 3.1 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

**c. Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga perlu merancang dan melaksanakan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

**4.6.2. Kawalan Bajet**

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama

kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan dan analisis bajet seperti berikut:

#### **4.6.2.1. Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi di Negeri dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka Bil. 1 Tahun 2015 (Anggaran Perbelanjaan 2015) dan Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka Bil. 2 tahun 2014 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Belanjawan Tahun 2015 dan 2016). Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lain, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

#### **4.6.2.2. Pengagihan Peruntukan**

Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **4.6.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahan yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat daripada 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### **4.6.2.4. Analisis Bajet**

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk

menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP 18(i), 1PP - Pengurusan Belanjawan (PB) 2.5 dan 1PP PB 2.6 adalah berkaitan.

#### **4.6.3. Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

##### **4.6.3.1. Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

##### **4.6.3.2. Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan wang di kaunter, penerimaan melalui mel dan perbankan *internet* serta pengeluaran resit dan perekodannya dalam Buku Tunai.

##### **4.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank**

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

##### **4.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

#### **4.6.3.5. Akaun Belum Terima**

Dasar dan Tatacara Penyelenggaraan Dan Pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP - Pengurusan Wang Awam (WP) 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

#### **4.6.4. Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

##### **4.6.4.1. Perancangan Perolehan**

1PP – Perolehan Kerajaan (PK) 2.1 menetapkan Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

##### **4.6.4.2. Kaedah Perolehan**

1PP PK 2.1 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

#### **4.6.5. Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

##### **4.6.5.1. Perakaunan**

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

##### **4.6.5.2. Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit dijalankan terhadap bayaran mengikut had kuasa berbelanja yang diluluskan, kawalan dalaman proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyelenggaraan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

#### **4.6.6. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan Arahan Amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

##### **4.6.6.1. Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah**

Tatacara pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 ditetapkan melalui 1PP WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian akaun amanah/kumpulan wang amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan dan penyata penyesuaian.

##### **4.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri mengikut pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.2 dan 1PP WP 9.3.



- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.1.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.2.

#### **4.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

#### **4.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor**

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling perbendaharaan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

##### **4.6.7.1. Kawalan Umum**

Mengikut 1PP – Pengurusan Aset (AM) 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

##### **4.6.7.2. Penerimaan**

Mengikut 1PP AM 2.2 dan 1PP AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

#### **4.6.7.3. Pendaftaran**

1PP AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran.

#### **4.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi.

- a. 1PP AM 2.4 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- b. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai ruang penggunaan yang optimum.
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi 2 tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan. 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6 ada berkaitan.

#### **4.6.7.5. Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP AM 2.5 adalah berkaitan.

#### **4.6.7.6. Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemas kini.

#### **4.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam daripada masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan hendaklah menyediakan dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan daripada tarikh pelantikan. Manakala Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan daripada tarikh kelulusan diperolehi.

#### **4.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan**

Bagi memastikan kenderaan kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- 4.6.8.1.** Penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan

kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisa kadar penggunaan bahan api bulanan.

**4.6.8.2.** Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan.

**4.6.8.3.** Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad.

**4.6.8.4.** Kenderaan perlu diselenggarakan secara berjadual. Butir penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

#### **4.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman**

**4.6.9.1.** Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

**4.6.9.2.** Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

#### **4.6.10. Pengesahan Penyata Kewangan**

Keperluan penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit adalah mengikut Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2009. Kerajaan Negeri Melaka telah mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi


Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

#### 4.7. PENEMUAN AUDIT

##### 4.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti ke atas 10 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil pengauditan tersebut mendapati 6 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap cemerlang dengan diberi penarafan 5 Bintang, 3 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap baik dengan penarafan 4 Bintang dan satu Agensi Negeri berada pada tahap tidak memuaskan dengan penarafan 1 Bintang. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap memuaskan iaitu 3 Bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 4.1**. Bilangan Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap cemerlang (5 bintang iaitu 90 markah ke atas) pada tahun 2015 adalah 6 Jabatan/Agensi Negeri berbanding 4 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014.

**Carta 4.1**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan**  
**Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015**




Sumber: Jabatan Audit Negara

## 4.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

### 4.7.2.1. Jabatan Negeri

Tahap pematuhan pengurusan kewangan bagi 5 Jabatan mengikut 8 kawalan utama adalah seperti di **Carta 4.2** manakala hasil analisis terhadap tahap pematuhan ini dijelaskan dalam perenggan berikut:

**Carta 4.2**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan 5 Jabatan**  
**Mengikut 8 Kawalan Utama Jabatan Tahun 2015**



Sumber: Jabatan Audit Negara


- Bagi Kawalan Pengurusan, 2 Jabatan mencatat tahap cemerlang, 2 Jabatan tahap baik dan satu Jabatan tahap memuaskan.
- Bagi Kawalan Bajet, 4 Jabatan mencapai tahap cemerlang dan satu Jabatan tahap baik.
- Kesemua 5 Jabatan mencapai tahap cemerlang bagi Kawalan Terimaan dan Kawalan Perbelanjaan.
- Bagi Kawalan Perolehan, 2 Jabatan memperoleh tahap cemerlang, satu Jabatan tahap baik, satu Jabatan tahap memuaskan dan satu Jabatan tahap kurang memuaskan.
- Dari segi Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, 4 Jabatan berada pada tahap cemerlang dan satu Jabatan tahap baik.

- f. Bagi Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor, 2 Jabatan berada pada tahap cemerlang dan 3 Jabatan memuaskan.
- g. Kesemua 5 Jabatan mencapai tahap cemerlang bagi Kawalan Pengurusan Kenderaan.

**4.7.2.2. Agensi Negeri**

Tahap pematuhan pengurusan kewangan 5 Agensi Negeri mengikut 8 kawalan utama adalah seperti di **Carta 4.3** manakala hasil analisis terhadap tahap pematuhan ini dijelaskan dalam perenggan berikut:

**Carta 4.3**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan 5 Agensi Negeri**  
**Mengikut 8 Kawalan Utama Agensi Tahun 2015**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Bagi elemen Pengurusan pelaburan dan Pinjaman terdapat satu Agensi yang tidak dapat dinilai kerana tiada pengurusan mengenainya.

- a. Dari segi Kawalan Pengurusan, satu Agensi mencapai tahap cemerlang, 3 Agensi tahap baik dan satu Agensi tahap tidak memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang memperoleh tahap tidak memuaskan adalah seperti berikut:
  - i. Kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan tidak mengikut ketetapan yang digariskan dalam Enakmen;
  - ii. Carta Organisasi tidak dipamerkan;

- iii. Surat penurunan kuasa tidak dikeluarkan kepada pegawai yang terlibat dengan urusan kewangan;
  - iv. Tiada pengasingan tugas antara pegawai yang menyelenggara daftar mel dengan pegawai yang menerima hasil dan menyediakan resit;
  - v. Senarai tugas pegawai tidak disediakan;
  - vi. Senarai tugas ada disediakan tetapi tidak lengkap dan tidak kemas kini; dan
  - vii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan dan tidak meliputi semua barang-barang berharga seperti yang ditetapkan dalam AP309(a).
- b. Bagi Kawalan Bajet, 4 Agensi mencapai tahap cemerlang dan satu Agensi tahap kurang memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang memperoleh tahap kurang memuaskan adalah seperti berikut :
- i. Cadangan Bajet lewat dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
  - ii. Bajet Pembangunan tidak dibelanjakan; dan
  - iii. Pindah peruntukan dibuat tanpa mengisi borang permohonan pindah peruntukan.
- c. Bagi Kawalan Terimaan pula, 3 Agensi berada pada tahap cemerlang, satu Agensi tahap memuaskan dan satu Agensi tahap kurang memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang mendapat tahap kurang memuaskan ialah seperti berikut:
- i. Pegawai yang bertanggungjawab menerima stok Resit Rasmi tidak menandatangani helaian pertama salinan pejabat dalam buku resit tersebut bagi memperakui ketepatan nombor siri adalah lengkap dan betul;
  - ii. Resit Rasmi yang dikeluarkan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai pada hari yang sama;
  - iii. Pegawai bertanggungjawab tidak menyemak Buku Tunai dengan Resit Rasmi setiap hari;
  - iv. Notis pemberitahuan kepada orang awam untuk meminta resit tidak dipamerkan;
  - v. Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
  - vi. Pembatalan resit tidak diperakui oleh pegawai bertanggungjawab;



- vii.** Pungutan hasil lewat dibankkan; dan
  - viii.** Slip bank tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab.
- d.** Dari segi Kawalan Perbelanjaan, 2 Agensi mencapai tahap cemerlang, 2 tahap baik dan satu Agensi tahap kurang memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang mendapat tahap kurang memuaskan ialah:
- i.** Buku Vot tidak disemak oleh Pegawai bertanggungjawab;
  - ii.** Pesanan Tempatan lewat dikeluarkan;
  - iii.** Invois/bil yang diterima daripada pembekal tidak bertarikh;
  - iv.** Perihal pesanan tempatan tidak lengkap;
  - v.** Perolehan melebihi RM20,000 dibuat secara pembelian terus;
  - vi.** Tiada surat lantikan bagi pelantikan Jawatankuasa Sebut Harga;
  - vii.** Perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM50,000 tidak dibuat secara sebut harga;
  - viii.** Daftar Kontrak tidak diselenggarakan;
  - ix.** Bayaran dibuat Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap/Sempurna;
  - x.** Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
  - xi.** Bil diterima tidak didaftarkan ke dalam Daftar Bil; dan
  - xii.** Pembelian melebihi RM500 menggunakan panjar wang runcit.
- e.** Bagi Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, 2 Agensi mencapai tahap cemerlang, satu tahap baik, satu kurang memuaskan dan satu tidak memuaskan. Antara kelemahan Agensi yang mendapat tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan ialah:
- i.** Daftar Pendahuluan Diri tidak diselenggarakan;
  - ii.** Daftar Pendahuluan Pelbagai tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini;
  - iii.** Pendahuluan Pelbagai digunakan untuk perbelanjaan selain daripada perbelanjaan aktiviti/program;

- iv.** Penyata Perbelanjaan Pendahuluan Pelbagai tidak disediakan dengan lengkap;
  - v.** Bil-bil asal dan dokumen sokongan Penyata Perbelanjaan Pendahuluan Pelbagai tidak dicop “Telah Dibayar”;
  - vi.** Penyata Perbelanjaan Pendahuluan Pelbagai tidak disediakan dan dikemukakan mengikut tempoh;
  - vii.** Baki wang tunai Pendahuluan Pelbagai yang tidak dibelanjakan tidak diserahkan mengikut tempoh;
  - viii.** Lejar Am Deposit dan Lejar Subsidiari tidak diselenggarakan; dan
  - ix.** Deposit yang tidak dituntut melebihi tempoh 12 bulan tidak diwartakan.
- f.** Dari segi Pengurusan Aset Dan Stor, satu Agensi mendapat tahap sangat baik, satu Agensi di tahap memuaskan dan 3 Agensi pada tahap tidak memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti di 3 Agensi tersebut ialah:
- i.** Mesyuarat JKPAK tidak diadakan setiap 3 bulan;
  - ii.** Agenda Mesyuarat JKPAK tidak mengikut agenda yang ditetapkan Pekeliling;
  - iii.** Laporan Tahunan Pengurusan Aset Alih Dan Stor dan Laporan Eksekutif Pengurusan Aset tidak dikemukakan kepada Ketua Agensi;
  - iv.** Pegawai Penerima tidak menandatangani borang pesanan tempatan bagi memperakui terimaan barang daripada pembekal;
  - v.** Penerimaan barang diperakui dan ditandatangani oleh Pegawai Penerima yang tidak dilantik secara bertulis;
  - vi.** Perolehan harta modal dan aset bernilai rendah dibuat melalui pendahuluan tunai atau menggunakan kad kredit;
  - vii.** Aset lewat didaftarkan;
  - viii.** Aset tidak dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran;
  - ix.** KEW.PA-4, KEW.PA-5, KEW.PS-3, KEW.PS-4 dan KEW.PS-11 tidak diselenggarakan;


- x. Borang Aduan Kerosakan Harta Modal (KEW.PA-9) tidak disediakan bagi aset yang telah rosak;
  - xi. Pegawai Pemeriksa Aset tidak melaksanakan pemeriksaan aset;
  - xii. Pemverifikasi Stor tidak dilantik dan verifikasi stor tidak dilaksanakan;
  - xiii. Pegawai Pemeriksa Stor dan Pegawai Pemverifikasi Stor yang dilantik tidak melaksanakan pemeriksaan stok dan verifikasi stor;
  - xiv. KEW.PA-10, KEW.PA-11 dan KEW.PA-12 berkaitan pemeriksaan aset dan KEW.PS-14, KEW.PS-15 dan KEW.PS-16 berkaitan pemeriksaan stor tidak disediakan;
  - xv. Buku Log Kenderaan tidak diselenggarakan;
  - xvi. Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan dan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak disediakan; dan
  - xvii. Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan dan Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR tidak disediakan.
- g. Bagi Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman, 2 Agensi memperoleh tahap cemerlang dan 2 Agensi tahap baik.
- h. Dalam aspek Pengurusan Penyata Kewangan, 4 Agensi mencapai tahap cemerlang dan satu Agensi tidak memuaskan kerana memperoleh Sijil Ketua Audit Negara Berteguran dan Penyata Kewangan yang telah diaudit dan isu mengenainya tidak dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

#### **4.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri**

Analisis Audit terhadap 10 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan Indeks Akauntabiliti (AI) sekurang-kurangnya 2 kali atau lebih bagi tempoh 2009 hingga 2015, mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan telah bertambah baik. Secara keseluruhannya 4 Jabatan dan 2 Agensi telah mendapat markah cemerlang bagi tahun 2015. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah mengekalkan prestasi kewangan cemerlang dari tahun 2011 hingga 2015. Mahkamah Syariah Negeri Melaka dan Majlis Perbandaran Alor Gajah telah mengekalkan prestasi kewangan cemerlang pada tahun 2009, 2012 dan 2015. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Melaka dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka juga telah mengekalkan prestasi kewangan cemerlang pada tahun 2012 dan 2015. Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka telah menunjukkan peningkatan pada tahap cemerlang pada tahun 2015 berbanding tahun 2012 yang telah

memperoleh tahap kewangan baik. Pada tahun 2015, satu Jabatan dan 2 Agensi telah mendapat markah baik di dalam pengurusan kewangan iaitu Jabatan Pertanian Negeri Melaka, Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka dan Yayasan Melaka telah mengekalkan prestasi kewangan baik pada tahun 2009, 2012 dan 2015. Satu Agensi iaitu Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Negeri Melaka menunjukkan tahap prestasi kewangan menurun kepada tahap tidak memuaskan berbanding tahun 2012 yang telah memperoleh tahap kewangan memuaskan. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh 2009 hingga 2015 seperti di **Carta 4.4**.

**Carta 4.4**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan**  
**Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Bagi Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2015**  
**Berbanding Pencapaian Tertinggi Tahun Sebelumnya**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**4.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT**

**4.8.1.** Pemeriksaan Audit mengejut merupakan satu pendekatan Audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak auditi. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Jabatan/Agensi dan baucar bayaran bagi memastikan ia diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada

Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan. Pemeriksaan Audit mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, pada tahun 2015 Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 12 buah Jabatan/Agensi Negeri.

**4.8.2.** Hasil daripada pemeriksaan Audit yang dijalankan mendapati 3 Jabatan iaitu Jabatan Ketua Menteri - Pinjaman Tabung Pendidikan Negeri, Jabatan Mufti Negeri Melaka dan Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin telah mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang disemak. Bagaimanapun, 9 Jabatan/Agensi Negeri lagi yang dilawati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara ketidakpatuhan yang ditemui adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2015**

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Penemuan Audit
1	Perbadanan Ketua Menteri Melaka - UTC	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Juruwang tidak diberi surat penurunan kuasa secara bertulis bagi menulis dan menandatangani resit Kew.38.</li> <li>• Resit telah dibatalkan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa secara bertulis.</li> </ul>
2	Lembaga Perumahan Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah membuat pembayaran di Rumah Pangsa Peringgit dan Rumah Pangsa Balai Panjang.</li> </ul>
3	Majlis Perbandaran Alor Gajah - UTC	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai MPAG tidak ditempatkan di kaunter kutipan hasil di UTC. Sebaliknya kutipan hasil MPAG dipungut oleh pegawai MPHTJ. Pihak Audit mohon pengesahan daripada MPAG, sama ada terdapat kebenaran secara bertulis diberikan kepada pegawai tersebut untuk mengutip hasil bagi pihak MPAG.</li> </ul>
4	Jabatan Perhutanan Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daftar Borang Hasil (Kew.67) tidak diselenggara bagi mengawal penggunaan borang hasil.</li> <li>• Sebanyak 4 pungutan berjumlah RM55,580 yang diterima dari 11 Ogos 2015 masih belum dikeluarkan Resit SPEKS dan belum dimasukkan ke dalam bank sehingga Auditan pada 26 Ogos 2015.</li> <li>• Daftar Mel tidak diselenggara bagi merekod 7 bank draf yang berjumlah RM98,520 yang diterima antara 18 hingga 20 Ogos 2015.</li> <li>• Resit sementara telah digunakan bagi pungutan berjumlah RM55,580.</li> <li>• Daftar Setem tidak diselenggara.</li> <li>• Sehingga bulan Ogos 2015, pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan.</li> <li>• Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak diselenggara walaupun Jabatan telah diperuntukkan sejumlah RM500 untuk perbelanjaan runcit.</li> </ul>
5	Mahkamah Rendah Syariah Jasin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daftar Kew. 67 tidak diselenggara bagi merekod penerimaan Buku Resit Kew. 38 dari Ibu Pejabat serta pengeluaran.</li> </ul>
6	Majlis Perbandaran Jasin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeriksaan mengejut telah dijalankan oleh Penolong Juruaudit, Unit Audit Dalam MPJ dan bukannya Ketua Jabatan seperti yang telah ditetapkan oleh AP 309.</li> <li>• Pemeriksaan mengejut hanya dilakukan sekali bagi tahun 2014</li> </ul>

Bil.	Jabatan/Agensi Negeri	Penemuan Audit
		<p>iaitu pada 20 Ogos 2014 dan pemeriksaan yang dilaksanakan tidak meliputi bilik kebal dan setem.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada bukti semakan dan tandatangan Pegawai Penyelia pada penyata penggunaan setem.</li> </ul>
7	Pejabat Agama Islam Alor Gajah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada bukti semakan dilakukan ke atas cetakan slip masuk bank dengan penyata pemungut.</li> <li>• Kutipan tidak dibankkan dengan segera. Kutipan tunai pada 9.4.2015 hingga 13.4.2015 berjumlah RM710 hanya dimasukkan ke dalam bank pada 14.4.2015.</li> </ul>
8	Jabatan Pengairan Dan Saliran Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daftar Mel tidak diselenggara untuk merekod hasil yang diterima melalui pos atau penghantar.</li> <li>• Daftar Setem tidak diselenggara. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan baki fizikal setem.</li> </ul>
9	Jabatan Kerja Raya Jasin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada tahun 2014, hanya sekali sahaja pemeriksaan mengejut dijalankan oleh Ketua Jabatan iaitu pada 16 Jun 2014. Bagi tahun 2015 pula, tiada sebarang pemeriksaan mengejut dijalankan sehingga tarikh pengauditan.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**4.8.3.** Ketua Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Maklum balas yang diterima menunjukkan Ketua Jabatan/Agensi Negeri berkenaan telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan.

#### 4.9. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

**4.9.1.** Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan *corrective* dan *preventive*. Tujuan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

**4.9.2.** Mewujudkan mekanisme pemantauan yang teratur dan memastikan pemeriksaan berkala dibuat terhadap kerja pegawai bawahan.

**4.9.3.** Menyelia dengan lebih rapi tugas pegawai bawahan yang terlibat dengan urusan kewangan dan memastikan bimbingan dan latihan yang sewajarnya diberikan kepada mereka.

**4.9.4.** Kelemahan dalam pengurusan aset dan stor perlu diberi perhatian yang lebih serius.

**4.9.5.** Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.



---

PENUTUP

---





---

# PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**19 Mac 2016**







---

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA